Kajian ini membandingkan PBK dengan kaedah pengajaran konvensional. Pengajaran konvensional merupakan pengajaran guru yang biasa dilakukan di bilik darjah atau lebih dikenali sebagai 'chalk and talk'. Cuma yang membezakan pengajaran konvensional ini ialah guru menyediakan lembaran kerja yang sama seperti PBK. Biasanya guru memberi latihan di kelas atau kerja rumah berpandukan buku teks. Guru juga mengajar menggunakan papan putih dan mempastikan pelajar menyiapkan lembaran kerja berpandukan penerangan guru di depan. Oleh kerana guru banyak menulis di papan tulis maka perbincangan antara guru dan pelajar kurang dipraktikkan kerana pelajar sibuk menyalin jawapan yang diberikan oleh guru.

1.11 Fungsi

Fungsi merupakan asas penting bagi kajian Graf Fungsi Kuadratik kerana istilah fungsi telah dikaitkan. Fungsi boleh ditandakan dengan suatu simbol, biasanya *f*. Lihat rajah 1.1, setiap objek dalam *X* dipetakan kepada satu imej dalam *Y*.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS




Rajah 1.1: Fungsi $f : X \to Y$

Fungsi dalam rajah 1.1 ialah gandaan dua. Maka, imej bagi x ialah gandaan dua bagi x iaitu x kali x atau x^2. Hubungan fungsi ini adalah lebih jelas apabila $f(x) = x^2$. Fungsi ini boleh diwakilkan kepada pasangan bertertib iaitu {(1, 1), (2, 4), (3, 9)} dan juga jadual, lihat rajah 1.2.

x	-3	-2	-1	0	1	2	3
$f(x)$	9	4	1	0	1	4	9

Rajah 1.2: Bina jadual

Seterusnya, perwakilan fungsi $f(x) = x^2$ ini juga boleh ditunjukkan dengan graf seperti rajah 1.3. Pelajar juga mendapati punca fungsi kuadratik ini ialah $x = 0$.



Rajah 1.3: Titik-titik yang diplot membentuk graf

Pengkaji sedar bahawa hubungan fungsi kuadratik kepada perwakilan-perwakilan yang lain tetapi fokus keseluruhannya ialah mendedahkan pelajar melihat hubungan secara langsung fungsi kuadratik kepada bentuk graf atau bentuk graf kepada fungsi kuadratik. Aspek-aspek lain turut dikaji misalnya, mengenal ciri-ciri

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

asas seperti bentuk parabola, melengkung ke atas/bawah, sentiasa simetri, konsep penting seperti titik maksimum/minimum (titik pusingan) dan titik persilangan serta kemahiran seperti mencari nilai paksi simetri dan menentukan nilai maksimum/minimum. Tambahan pula dengan menggunakan perisian *Autograph*, pelajar boleh membandingkan perubahan $f(x) = ax^2 + bx + c$ apabila nilai a, b, dan c diubah satu persatu (Faridah Jonid, Haliza Hamzah, Rashida Awang & Sharidah A. Rashid, 2001, m.s.63). Dengan menggunakan rumus $b^2 - 4ac$, perisian *Autograph* juga boleh membuktikan jawapan pelajar dengan melihat kedudukan graf dalam menentukan jenis-jenis punca.

1.12 Graf Fungsi Kuadratik

Graf fungsi terdiri daripada empat jenis graf iaitu graf fungsi linear, graf fungsi kuadratik, graf fungsi kubik dan graf fungi salingan. Ciri utama Graf Fungsi Kuadratik ialah graf yang berbentuk parabola dan bersimetri pada garis mencancang yang melalui titik maksimum atau minimum. Turutan isi kandungan buku teks Matematik Tambahan Tingkatan IV sebelum memperkenalkan topik Graf Fungsi Kuadratik ini pelajar telah didedahkan kepada topik Fungsi, Persamaan Kuadratik dan Fungsi Kuadratik. Ketiga-tiga topik ini penting dan saling berkait bagi memahami Graf Fungsi Kuadratik.

Kefahaman Graf Fungsi Kuadratik adalah berdasarkan kemahiran matematik yang penting iaitu mengenal pasti bentuk graf dengan memplot Graf Fungsi Kuadratik, dan perkara yang perlu diberi perhatian ialah paksi simetri dan titik

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

maksimum atau minimum. Selain itu, pekali x^2 ialah positif ($a > 0$) dan grafnya melengkung ke bawah dan mempunyai titik minimum manakala pekali x^2 ialah negatif ($a < 0$) dan grafnya melengkung ke atas dan mempunyai titik maksimum. Selepas itu, barulah menghubungkaitkan kedudukan graf fungsi ini $f(x) = ax^2 + bx + c$ dengan jenis punca persamaan $f(x) = 0$ sebelum beralih kepada beberapa kemahiran yang penting seperti mencari nilai maksimum dan minimum Fungsi Kuadratik, lakaran Graf Fungsi Kudaratik dan Ketaksamaan Kuadratik.

1.12.1 Bentuk parabola – *Parabolic form*

Bentuk parabola merupakan bentuk graf sama ada melengkung ke atas atau ke bawah dan ia merupakan satu lengkung yang licin dan bersimetri.

1.12.2 Paksi simetri – *Axis of symmetry*

Garis yang membahagikan rajah nalar kepada dua bahagian yang sama dan tepat dari segi saiz dan bentuk. Rumus yang digunakan ialah $x = -\frac{b}{2a}$


1.13 Perisian *Autograph*

Dewasa ini banyak perisian sedia ada yang boleh digunakan sebagai alat bantuan mengajar (ABM) atau bahan bantuan mengajar (BBM) di sekolah-sekolah. Penggunaan perisian seperti *Equation Grapher*, *Graphmatica*, *Graf Plotter* dan sebagainya amat perlu bagi memperlihatkan konsep-konsep matematik yang abstrak

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

kepada konkrit seperti membandingkan jenis-jenis graf fungsi, membaca maklumat daripada graf (hasil dapatan), proses-proses perubahan nilai pekali dan pemalar persamaan fungsi dalam bentuk graf, melihat hubungan secara langsung antara persamaan algebra dan graf serta lain-lain lagi. Sehubungan itu, perisian-perisian ini seringkali digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek matematik dan sains khususnya melihat bentuk-bentuk graf yang dinamik, tepat dan jelas. Selain daripada perisian-perisian ini, *Autograph* version 2.00 (PC) merupakan salah satu perisian graf yang juga ada di pasaran. Gambarajah 1 menunjukkan kulit hadapan *Autograph* version 2.00 yang digunakan oleh pengkaji.



Rajah 1.4: Kulit hadapan *Autograph* version 2.00

Keistimewaan *Autograph* merupakan satu perisian yang dinamik untuk pengajaran dan pembelajaran matematik bukan sahaja di peringkat sekolah menengah malah hingga ke peringkat yang lebih tinggi seperti kolej dan universiti. Sistem pengoperasian dalam *Autograph* terdiri kepada dua *modes* iaitu:

a.  Graf-graf dan Geometri Koordinat

b.  Statistik satu pemboleh ubah dan Kebarangkalian

Autograph telah direkabentuk untuk membantu para pelajar di peringkat sekolah menengah dan kolej bagi menggambarkan atau 'visualising' sesuatu yang abstrak misalnya memplot titik-titik geometri koordinat, graf-graf fungsi, perubahan-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

perubahan graf dan sebagainya. Sebenarnya, *Autograph* merupakan perisian matematik yang luas penggunaannya. Walau bagaimanapun, fokus utama dalam kajian ini ialah memahami konsep graf bagi Fungsi Kuadratik yang melibatkan ciri-ciri asas (bentuk parabola), melihat perubahan pekali dan pemalar (a, b, c) dalam persamaan, serta titik pusingan (x, y) iaitu x ialah nilai paksi simetri dan y ialah nilai maksimum atau minimum. Disamping itu, *Autograph* juga dapat membandingkan kedudukan graf dalam menentukan jenis-jenis punca persamaan kuadratik dengan rumus $b^2 - 4ac$.

Apakah kelebihan menggunakan perisian *Autograph*? Kelebihan utama ialah perisian *Autograph* apabila ia boleh di'download' secara percuma selama 30 hari melalui lawan webnya iaitu www.autograph-math.com. Pelajar boleh belajar sendiri kerana maklumat lengkap penggunaan *Autograph* boleh diperolehi melalui ikon 'help'. Kelebihan penggunaan perisian ini ialah ia agak mudah dan senang digunakan. Ia bersifat *user friendly* misalnya pengguna ingin melihat bentuk graf garis lurus, pengguna hanya perlu masukkan persamaan dalam 'add equation' (ikon) yang disediakan. *Autograph* juga merupakan satu perisian menarik yang dapat memaparkan bentuk-bentuk graf dengan mudah, berwarna-warni, animasi tersendiri dan lain-lain lagi.

Oleh demikian, pengunaan mudah ikon-ikon dalam *Autograph* sangat membantu para guru dan pelajar mempelajari perisian ini dengan cepat. Dengan kemudahan ini, pelajar dapat melihat sendiri kesan atau peranan pemalar dalam persamaan algebra. Misalnya penggunaan *constant controller* dalam *Autograph* telah membenarkan pelajar melihat satu hubungkait antara pekali dan pemalar persamaan fungsi dengan bentuk-bentuk graf fungsi yang dipaparkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.14 Kekangan

Semasa menjalankan kajian ini, seperti biasa banyak kekangan yang terpaksa dihadapi oleh pengkaji. Kekangan-kekangan yang dihadapi adalah seperti pengagihan responden yang sama rata dari segi pencapaian, kaum, jantina dan latar belakang. Kelas juga telah ditetapkan berdasarkan pencapaian Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun sebelumnya. Pihak sekolah tidak membenarkan pembahagian kelas berdasarkan pencapaian matematik semata-mata untuk melaksanakan kajian ini. Ini adalah disebabkan kelas-kelas terlibat mempunyai jadualnya yang tersendiri dan akan menjadi masalah kepada guru-guru lain yang mengajar kelas tersebut. Pengkaji terpaksa menggunakan responden daripada dua kelas yang telah ditetapkan *(intact groups)*.

Selain itu, pengkaji juga menghadapi masalah mencari guru matematik yang sama di sekolah tersebut untuk mengajar dua kelas yang berlainan. Guru matematik diperlukan oleh pengkaji untuk mengajar topik Graf Fungsi Kuadratik dengan menggunakan perisian *Autograph*. Pengkaji diberitahu bahawa guru-guru matematik di sekolah yang berkenaan agak sibuk menghadapi tugas rutin harian dan juga tidak mahir menggunakan perisian *Autograph*. Penggunaan makmal komputer juga mesti mengikut jadual yang telah disediakan. Pengkaji hanya dibenarkan menggunakan makmal itu berdasarkan kekosongan dalam jadual iaitu apabila tidak ada kelas atau guru di sekolah berkenaan dalam jadual tersebut. Kehadiran responden juga menjadi masalah apabila mereka tidak hadir atau lewat ke makmal komputer pada masa yang diarahkan. Ini berlaku kerana kedudukan makmal komputer agak jauh dari kelas responden.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

Bab ini membincangkan alat teknologi, PPBK, pengajaran dan pembelajaran (p&p) matematik menggunakan perisian komputer, kajian p&p menggunakan perisian matematik luar dan dalam negara, Kajian-kajian kefahaman pelajar tentang perwakilan fungsi dan motivasi dalam p&p.

2.1 Penggunaan alat teknologi dalam bidang pendidikan

Bahagian ini membincangkan kepentingan alat teknologi, penggunaan komputer dan kepentingannya dalam pendidikan yang menyebabkan perubahan dan reka bentuk kurikulum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Teknologi dalam pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membantu meningkatkan pengajaran yang berkesan. “Pengaruh teknologi pendidikan bermula dengan penggunaan bahan-bahan pandang (dua dimensi) seperti gambar-gambar, carta dinding, peta, realia, model dan lain-lain” (Abd. Rahman Daud, 1999, m.s.46). Beliau juga menyatakan pada tahun 1957 sekolah-sekolah kebangsaan telah menggunakan peralatan pandang dengar seperti slaid, projektor filem jalur dan projektor wayang gambar. Setelah mengalami perubahan dan inovasi dalam sistem pendidikan maka penggunaan alat-alat teknologi amat digalakkan dalam pengajaran supaya dapat meningkatkan lagi keberkesanan pembelajaran murid. “Dalam sistem pendidikan terdapat banyak inovasi yang cuba dilaksanakan di sekolah atau di institusi pengajian tinggi” (Yusup Hashim, 1998, m.s.206). Kini penggunaan alat teknologi seperti komputer, kalkulator grafik, kalkulator saintifik dan sebagainya telah diperkenalkan di sekolah supaya dapat membantu pengajaran guru dan meningkatkan pembelajaran murid dengan lebih baik lagi.

Muhd Khariltitov Zainuddin (tahun tidak dinyatakan), “penggunaan kalkulator grafik di negara-negara maju telah mulai diperlukan sebagai satu perkakasan penting dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian (peperiksaan) matematik” (m.s.133). Begitu juga pendapat Kutzler (1999 dalam kajian Kor Liew Kee & Lim Chap Sam, 2003) yang mengambarkan *“a graphics calculator (GC) as a pedagogical tool, which allows its users switch between numerial, graphical, and symbolic representations with ease”* (m.s.18). Begitu juga penggunaan alat kalkulator yang sering diperdebatkan, *“Calculators have become commonplace, and discussion has focused around ways to help students achieve maximum benefits from the use of this technology”* (Ellington, 2003, m.s. 434).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain penggunaan kalkulator grafik atau kalkulator dalam pengajaran matematik, alat teknologi seperti komputer juga memainkan peranan penting dalam pendidikan. Penggunaan komputer dalam pendidikan bukanlah sesuatu yang baru malah di negara luar seperti Amerika Syarikat, Britain, Jepun dan lain-lain negara maju telah lama menggunakan teknologi di dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Vrasidas (2002, dalam Stillson & Alsup 2003) menyatakan *"New technologies are recognized today as a means for advance learning"*(m.s.329). Malah menurut beliau bahawa mod pengajaran ini direka untuk pendekatan pengajaran yang lebih sistematik untuk kelancaran dan keberkesanan pembelajaran.

Begitu juga pendapat Shaughnessy, Garfield dan Greer (1996 dalam kajian Batanero, Estepa, & Godina, tahun tidak dinyatakan, m.s.191) mengatakan penggunaan komputer di dalam pengajaran statistik semakin diberi perhatian oleh guru-guru dan penyelidik-penyelidik. Malah kajian oleh Godwin, Sutherland, dan Beswetherick, (tahun tidak dinyatakan) turut mempunyai tujuan dan matlamat yang sama iaitu mengkaji teknologi yang boleh digunakan secara efektif dalam meningkatkan mutu pembelajaran.

Di Malaysia, Sekolah Bestari merupakan sekolah yang menggunakan teknologi sebagai alat untuk meningkatkan pembelajaran dalam bidang sains dan teknologi di samping menyediakan pelajar yang cekap dalam teknologi maklumat untuk menghadapi cabaran era teknologi maklumat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Kenyataan ini disokong oleh Marzita Puteh dan Rohaidah Masri (2002, m.s.270) juga menjelaskan pelaksanaan Sekolah Bestari telah membuka ruang seluas-luasnya kepada teknologi komputer yang membolehkan fleksibiliti dan kepelbagaian dibina dalam sistem pendidikan. Pendekatan pembelajaran Sekolah Bestari Malaysia berpusatkan murid, terarah kendiri, mengikut kadar individu,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

berkesinambungan dan reflektif. Ini akan berlaku dengan adanya pembelajaran berasaskan teknologi pelbagai media dan jaringan yang meliputi seluruh dunia (Bahagian Pendidikan Guru, 1997 dalam Tan Kah Kheng, 2003, m.s. 1)

Berikutan pelaksanaan komputer dalam pendidikan juga menyebabkan berlakunya perubahan dan reka bentuk kurikulum dalam beberapa mata pelajaran di sekolah dan juga di institusi tinggi. Perubahan yang sedang melanda dalam dunia pendidikan kini tentunya akan merubah kandungan dan reka bentuk kurikulum setiap mata pelajaran (Jamaludin, 1989 dalam Tengku Zawawi Tengku Zainal, tahun tidak dinyatakan). Misalnya kajian O'Callghan (1998, m.s.21) dalam menyahut cabaran untuk mengubah pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran matematik. Satu kurikulum inovatif *Computer-Intensive Algebra* (CIA) telah digubalkan sebagai pendekatan alternatif kepada *Traditional Algebra* (TA).

Oleh itu, kajiannya turut menyatakan penggunaan perisian komputer ini adalah untuk menguji keberkesanan kurikulum *Computer-Intensive Algebra* (CIA) berbanding Kurikulum *Traditional Algebra* (TA) ke atas kefahaman pelajar-pelajar mengenai konsep fungsi dalam mata pelajaran matematik. Kajian Ellington (2003) pula ada menyebut *"Technology and the pedagogical changes resulting from it have a decisive impact on what is included in the mathematics curriculum"* (m.s.433). Begitu juga di Malaysia, kurikulum matematik juga tidak dapat lari daripada arus teknologi ini (Fatimah dan Munirah, 1995 dalam Tengku Zawawi Tengku Zainal, tahun tidak dinyatakan). Huraian sukatan pelajaran matematik tambahan tingkatan IV yang terbaru (2003) turut menyatakan:

> *Fokus Matematik Tambahan adalah ke arah memenuhi keperluan matematik murid yang cenderung kepada bidang sains dan teknologi serta murid yang cenderung kepada sains sosial* (m.s.1).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, Ding Hong Eng, Anis Sabarina dan Suriani Mohamad (2003, m.s. 27) menyatakan bahawa:

> *"One of the main objectives in Malaysia's Mathematics Curriculum is to train students to think logically, systematically and able to use their Mathematics knowledge to make major decisions when facing obstacles in their daily life and future careers. One of the emphasis in the Mathematics Curriculum is to use modern technology to build the understanding of concepts, to solve problems and to explore new frontiers in Mathematics"*

Perubahan ini adalah disebabkan peranan era globasasi merubah paradigma pemikiran manusia sejagat (Baharuddin Hussin, 2005, m.s.19). Matlamat atau objektif alat teknologi dalam mata pelajaran matematik bukan perkara baru untuk diperkatakan malah banyak kajian telah dilakukan sebelum ini bagi mencapai matlamat atau objektif yang diharapkan. Kajian yang telah dilakukan oleh Ding Hong Eng, Anis Sabarina dan Suriani Mohamad (2003, m.s. 27) telah menyenaraikan beberapa matlamat atau objektif-objektif seperti berikut:

a) untuk memperkenalkan aktiviti-aktiviti yang berpusatkan pelajar dan membina satu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang dinamik, bersatupadu, menarik dan memberangsangkan.
b) untuk menekankan penggunaan teknologi moden, berkomunikasi dalam matematik dan menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran matematik.
c) untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang lemah dalam pembelajaran matematik.
d) meningkatkan kapasiti untuk melihat konsep abstrak dan memperkayakan kemahiran berfikir (interpretasi, saling-kaitan, terjemahan dan inferens) pelajar-pelajar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

e) untuk membolehkan pelajar-pelajar menghubungkaitkan perwakilan-perwakilan simbolik dengan grafik.

Secara ringkas, penggunaan komputer sebagai alat teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting dalam pendidikan. Kepentingan ini menyebabkan berlakunya perubahan kandungan dan reka bentuk kurikulum di sekolah-sekolah mahupun di institusi-institusi tinggi bagi merealisasikan hasrat negara ke arah masyarakat yang berteknologi.

2.2 Pengajaran Pembelajaran Berbantukan Komputer (PPBK)

Bahagian ini akan membincangkan peranan, kaedah, objektif PPBK secara umum dan kesan penggunaan masa PPBK.

Apakah yang dimaksudkan dengan Pengajaran Berbantukan Komputer (PBK)? Menurut Zaidatun Tasir dan Yap Sao Wen (2000, m.s.17) secara amnya, PBK merupakan proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang berasaskan komputer dan menjadikan pembelajaran itu lebih mudah dan lebih diminati. Ia merupakan satu strategi atau bentuk p&p yang menggunakan komputer untuk menyampaikan seluruh atau sebahagian dari isi kandungan mata pelajaran. Jamaluddin Badusah(1989 dalam Tengku Zawawi Tengku Zainal, tahun tidak dinyatakan) pula mengatakan PPBK ialah aturcara komputer yang menggunakan teknik-teknik kepintaran buatan untuk membantu seseorang pelajar. Mikrokomputer pula digunakan untuk menyelenggara aktiviti pengajaran dengan berpandu kepada program yang dibentuk oleh penulis

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

perisian (Nik Azis Nik Pa, 1989 dalam Tengku Zawawi Tengku Zainal, tahun tidak dinyatakan).

Sehubungan itu, PBK atau PPBK boleh dikatakan satu cara baru bagi membantu guru atau pelajar untuk mendalami sesuatu bidang ilmu. Dalam kajian kes Godwin, Sutherland dan Beswetherick (tahun tidak dinyatakan) memberitahu "…*that new technologies can be used in educational setting to enhance learning"*. Malah kajian Ellington (2003) juga mengenal pasti bahawa *"One instigator of change in mathematics classrooms has been technology"* (m.s.433).

Pengajaran berbantukan komputer (PBK) merupakan salah satu alat teknologi yang boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran dalam usaha memahami, menguasai dan mengukuhkan sesuatu kemahiran mata pelajaran. Kajian Rohini (2003, m.s.58) menyatakan alat-alat *Information Communication Technology* (ICT) menyediakan peluang bekerja dengan data yang mempunyai makna atau aplikasi sebenar kepada pelajar-pelajar. Teknologi ini membantu para pelajar dalam masalah spesifik, menguji hipotesis, keraguan sesuatu perkara (*dispelling myths*) dan mengumpul data. Beliau juga memberitahu *"There are many software tools which have already been developed to support teaching and learning mathematics"*(m.s.56). Tambahan pula, Tengku Zawawi Tengku Zainal pula berpendapat (tahun tidak dinyatakan) dalam pengajaran berbantukan komputer, komputer boleh dianggap sebagai tutor dan guru.

Sebenarnya, Pengajaran Pembelajaran Berbantukan Komputer (PPBK) mempunyai berbagai-bagai pendekatan dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran. Justeru, menurut Zaidatun Tasir dan Yap Sao Wen (2000, m.s. 17): PBK terdiri daripada gabungan perkakasan dan perisian yang digunakan dalam proses p&p sama ada sebagai media pengajaran ataupun alat pembelajaran. Terdapat beberapa

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kaedah dan pendekatan p&p yang sering digunakan dalam PBK. Antaranya ialah latih tubi, tutorial dan juga simulasi. Begitu juga kenyataan oleh PPK, (1993, dalam Tengku Zawawi Tengku Zainal, tahun tidak dinyatakan) turut bersetuju bahawa pengajaran berbantukan komputer melibatkan sistem tutorial, permainan dan simulasi di samping aktiviti latih tubi.

Pelbagai kaedah dan pendekatan p&p yang boleh digunakan dalam PBK, contohnya penggunaan komputer dalam proses pembelajaran matematik dapat menyediakan peluang untuk pelajar-pelajar mempelajarinya dengan enam cara utama (Rohini 2003, m.s.57):

a) Belajar daripada maklumbalas: Komputer selalunya memberi maklumbalas yang cepat dan betul yang *non-judgemental* dan tidak berat sebelah. Ini boleh menggalakkan pelajar membuat andaian dan menguji serta mengubahsuaikan idea mereka.
b) Memperhatikan corak (*Observing patterns*): Kelajuan komputer dan kalkulator membolehkan pelajar-pelajar menghasilkan banyak contoh-contoh apabila menguji masalah matematik. Ini menyokong pemerhatian corak dan membuat serta menjustifikasi generalisasi.
c) Melihat perkaitan: Komputer membolehkan formula, jadual nombor dan graf dikaitkan. Menukar satu pernyataan dan melihat melihat perubahan lain yang membantu pelajar-pelajar memahami kaitannya.
d) Bekerja dengan imej-imej yang dinamik (*Working with dynamic images*): Pelajar-pelajar boleh menggunakan komputer untuk memanipulasi gambarajah secara dinamik. Ini menggalakkan mereka melihat graf-graf yang dihasilkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

e) Meneliti data: Komputer membolehkan pelajar-pelajar bekerja dengan data sebenar yang boleh dinyatakan dalam berbagai cara. Ini membantu menyokong interprestasi dan analisis yang dilakukan.

f) Mengajar pengaturcaraan (*Programming*): Apabila pelajar-pelajar merekacipta algoritma (satu set arahan) supaya komputer boleh memberi keputusan tertentu, mereka akan menyatakan arahan dengan betul dan susunan yang teratur. Pelajar menggunakan pemikiran secara eksplisit apabila menerangkan idea-idea itu.

Banyak kajian menunjukkan bahawa penggunaan komputer dapat membantu pelajar, maka tidak hairanlah jika penggunaan komputer dalam p&p boleh meningkatkan kualiti pengajaran guru (Kanagambal, 1997; Tengku Zawawi Tengku Zainal, 2000 dalam Bhasah Abu Bakar & Rafidah Wahab, 2003, m.s. 10). PPBK juga dikatakan dapat mengurangkan masa bagi sesi penguasaan kemahiran-kemahiran tertentu dalam sesuatu topik. Hujah ini disokong oleh Wagner & Parker (1993 dalam kajian O'Callaghan 1998, m.s.22) yang berpendapat bahawa komputer dapat mengurangkan masa yang diperlukan untuk memajukan kemahiran dengan itu lebih banyak masa dapat ditumpukan kepada pemahaman konsep. Gleason (1981) turut berpendapat PBK dapat menjimatkan masa di antara dua puluh peratus hingga empat puluh peratus berbanding pembelajaran konvensional. Malah beliau juga melaporkan bahawa pengajaran berbantukan komputer (PBK) mempunyai kelebihan dan kesan positif iaitu dapat digunakan dengan jayanya untuk membantu pelajar dalam mencapai beberapa objektif pelajaran.

Justeru, pengajaran guru menjadi lebih berkesan jika lebih banyak masa diberikan kepada pemahaman konsep sesuatu topik sebelum beralih kepada kemahiran seterusnya. Kebiasaannya, guru tidak mahu mengambil masa yang lama untuk

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menerangkan sesuatu konsep dalam matematik apatah lagi jika ia melibatkan sesuatu yang abstrak iaitu apabila sukar digambarkan dan diterangkan kepada pelajar.

2.3 Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Menggunakan Perisian Komputer

Bahagian ini akan membincangkan kesan pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian matematik dari segi pemahaman konsep matematik, penyelesaian masalah, peningkatan pemahaman tentang graf, pemboleh ubah, perkaitan antara graf dan pemboleh ubah serta *exploratory approach.*

Beberapa kajian pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan perisian komputer dalam matematik telah dijalankan dan mendapati bahawa kaedah ini dapat meningkatkan lagi keberkesanan dalam sesuatu topik yang diajar. Keputusan kajian O'Callaghan (1998, m.s.21) telah menunjukkan bahawa pelajar *Computer-Intensive Algebra* (CIA) lebih berjaya secara keseluruhan dalam memahami konsep fungsi berbanding pelajar *Traditional Algebra* (TA). Pencapaian yang lebih baik ini melibatkan komponen *modeling* merujuk kepada soalan situasi sebenar fungsi, *interpreting* iaitu mentafsir fungsi dan *translating* pula menterjemahkan fungsi. Keputusan yang sama juga didapati dalam kajian sistem pembelajaran interaktif secara talian terus (*online*) atau dikenali sebagai *Assessment and Learning in Knowledge Spaces* (ALEKS) yang mendapati pelajar-pelajar bukan tradisional pada keseluruhannya mendapat pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar tradisional (Stillson, & Alsup, 2003, m.s.337).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Begitu juga hasil kajian lain menunjukkan perisian yang telah dibina dapat membuat diagnosis kesilapan pelajar dengan cepat dan tepat. Misalnya aktiviti pemulihan yang disediakan dalam perisian pecahan mampu mengurangkan jumlah bilangan kesilapan pelajar dan dapat meningkatkan pemahaman pelajar ke atas penambahan pecahan (Salwa Abu Bakar & Zaleha Ismail, 2002, m.s. 325). Hasil kajian Batanero, Estepa, dan Godina (tahun tidak dinyatakan, m.s. 192) pula mendapati bahawa mereka telah dapat mengenal pasti beberapa salah faham mengenai statistik dan pelbagai kefahaman yang berbeza mengenai perkaitan statistik yang pelajar tunjukkan di dalam proses pembelajaran.

Pembelajaran sesuatu tajuk dalam matematik sering menekankan pemahaman konsep dan penguasaan kemahiran yang berkaitan. Pemahaman konsep dan penguasaan kemahiran sesuatu subtopik amat penting bagi penyelesaian masalah. Manakala penyelesaian masalah merupakan fokus utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran matematik. Menurut laporan Cockcroft (1982, dalam Tengku Zawawi Tengku Zainal, tahun tidak dinyatakan) yang menyatakan aktiviti penyelesaian masalah adalah bahagian terpenting dalam pendidikan matematik. Ini juga dipersetujui oleh Marzita Puteh dan Rohaidah Masri (2002, m.s. 271) bahawa matematik telah lama digunakan bagi menyelesaikan pelbagai masalah.

Malahan laporan ini juga menyebut bahawa masalah matematik harus diterjemahkan kepada sebutan dan bahasa matematik sebelum ianya diselesaikan. Langkah terjemahan seperti ini memerlukan fahaman yang lengkap terhadap struktur konsep yang terkandung dalam masalah tersebut. Oleh itu, fahaman yang lengkap mengenai suatu konsep memerlukan suatu alat matematik seperti perisian untuk memterjemahkannya. Alatan matematik boleh menjadikan konsep-konsep yang kompleks lebih mudah untuk diterima kerana sesuatu konsep boleh digambarkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan cara yang berbeza dan mungkin menggunakan perisian yang berbeza (Marzita Puteh & Rohaidah Masri, 2002, m.s. 271).

Oleh yang demikian, penggunaan pakej perisian matematik yang sesuai dilihat dapat membantu pelajar memperkembangkan keupayaan memahami lebih baik dan cepat tentang teori matematik yang diperlukan (Marzita Puteh & Rohaidah Masri, 2002, m.s. 271). Malah Tan Choon Keung (2000, m.s. 46) menyatakan bahawa program PBK membenarkan penggunaan pelbagai carta dan pengelola grafik untuk memudahkan pemahaman konsep yang sukar serta membuatkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan kepada pelajar. Ini amat bertepatan dengan pendapat Mc Mullin (2001, dalam Stillson & Alsup 2003, m.s. 329) yang merasakan teknologi sepatutnya digunakan sebagai cara meningkatkan pemahaman bukannya untuk mendapatkan jawapan dengan mudah.

Kajian Godwin, Sutherland, dan Beswetherick, (tahun tidak dinyatakan), melaporkan melalui ujian berbentuk pra dan post inisiatif serta temu bual yang telah dibuat telah membuktikan pemahaman pembelajaran subjek kajian berhubung fungsi kuadratik. *"Evidence is presented to suggest that use of the scaling facility of the software has allowed Kay to understand that the graphs of functions can appear in a variety of different ways"*. Begitu juga kajian-kajian lain seperti yang dinyatakan oleh Matras, (1988 dalam O'Callaghan, 1998) menyatakan *"Research has shown that these students become better problem solvers"* (m.s.23). Selain itu, pelajar dapat *"…develop a richer understanding of the concept of variable, while attaining an equal level of skill development"* (Boers-van Oosterum, 1990; Heid, 1988 dalam O'Callaghan, 1998, m.s. 23).

Kebanyakan guru di sekolah tidak sempat melukis banyak graf fungsi untuk dijadikan contoh-contoh lain kepada pelajar. Malah untuk melukis satu graf juga

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

memakan masa yang agak lama. Schwartz dan Hershkowitz (1999, m.s. 366) berpendapat kesukaran melukis graf dan mengira nilai-nilai yang berkaitan tanpa menggunakan alat yang bersesuaian menyebabkan guru hanya mengajar fungsi linear dan fungsi kuadratik secara sistematik. Unsur sistematik di sini menunjukkan hanya isi kandungan pelajaran kedua-dua fungsi diajar berturutan dan jelas. Fungsi-fungsi lain disentuh secara sepintas lalu sahaja. Ini dapat dibuktikan melalui sukatan Matematik Tambahan di sekolah menengah di negara ini, hanya memperkenalkan persamaan linear melalui topik Geometri Koordinat dan topik Fungsi Kuadratik sahaja. Beliau turut menjelaskan apabila pelajar bertemu dengan sebarang soalan fungsi, mereka bertindak balas menggunakan contoh-contoh yang telah biasa mereka temui, iaitu fungsi linear dan fungsi kuadratik. Pelajar tidak sedar bahawa jenis-jenis fungsi terdiri daripada fungsi linear, fungsi kuadratik, fungsi kubik dan fungsi salingan.

Dalam kajian kes Godwin, Sutherland, dan Beswetherick (tahun tidak dinyatakan) subjek kajian tidak mampu atau tidak tahu menghasilkan mana-mana graf fungsi kuadratik dengan memplot titik cara tradisional. Subjek kajian dikatakan "… *did not appear to know how to do so when probed by the interviewer about it"*. Ini menunjukkan melalui soal jawab, subjek tidak nampak cara bagaimana untuk melakarkan graf fungsi yang diminta oleh pengkaji. Begitu juga dalam topik pembezaan, Alessi & Trollip (1991, m.s. 5) menyatakan "… *the material is very hard to teach by other methods (graphing in calculus),.."*. Kajian ini menunjukkan bahawa graf-graf dalam kalkulus merupakan sesuatu perkara yang sangat sukar diajar dengan menggunakan berbagai-bagai cara pengajaran. Sebenarnya, masalah-masalah ini dapat di atasi dengan bantuan perisian aplikasi yang sesuai kerana banyak graf fungsi boleh dihasilkan bagi membantu pelajar membina konsep fungsi berdasarkan persamaan dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

graf. Kajian French (2002, m.s.83) memberitahu bahawa perisian *graph plotter* dapat menyediakan lebih banyak contoh graf daripada melukisnya secara biasa di papan tulis dan menghubungkaitkan dengan persamaan yang diberi. Apa yang penting ialah perisian ini boleh memperkayakan lagi pemahaman dan membuktikan kebolehan mengingati idea-idea mengenai graf. Justeru untuk membantu pelajar membina konsep fungsi yang lebih sempurna, pengenalan kepada fungsi mudah perlu disertakan dengan berbagai jenis fungsi, serta contoh-contoh fungsi yang tidak termasuk dalam contoh biasa (Wagner & Parker, 1993, m.s.128).

Sewajarnya pembelajaran menggunakan bantuan perisian aplikasi sememangnya berguna dalam pengajaran guru bagi meningkatkan kefahaman graf-graf fungsi. Misalnya, Hennesy (2001, dalam Godwin, Sutherland, & Beswetherick, tahun tidak dinyatakan), telah membuat kajian mengenai fungsi dengan menggunakan kalkulator grafik. Beliau telah menyenaraikan beberapa cara, bagaimana kewujudan atau kemunculan graf itu dimudahkan. Kes yang sama dalam kajian Godwin, Sutherland & Beswetherick (tahun tidak dinyatakan) tetapi dengan menggunakan perisian *package omnigraph* dalam menganalisis mengenai jenis-jenis output dan juga sifat-sifat graf yang dihasilkan oleh responden. Pendapat French (2002, m.s.81) pula, *graph plotter* membolehkan pelajar mendapatkan plot graf yang tepat dan membantu mengenalpasti sifat-sifat biasa yang ada pada set graf yang berkaitan.

Kajian lain seperti Pusat Perkembangan Kurikulum (Julai 2001) menyatakan dalam hal ini, perisian yang sesuai boleh digunakan untuk membantu pelajar membina graf-graf yang diperlukan itu, sementara perhatian mereka ditumpukan untuk melihat perkaitan antara pemboleh ubah tersebut. Dalam kajian Llinares (2000 m.s. 52) mendapati subjek kajian juga memberi pendapat adalah perlu menggunakan metafora mesin (perspektif proses) untuk menyatakan hubungkait di antara pemboleh ubah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dalam konsep fungsi. Dalam kajian Llinares, subjek kajian merujuk kepada seorang guru yang mendapati pengajarannya secara biasa sukar menerangkan hubungan secara langsung sesuatu fungsi dengan graf fungsi. Guru ini sedar adalah lebih baik jika perhubungan antara fungsi dan graf fungsi dapat ditunjukkan menggunakan perisian (metafora mesin) supaya pelajar dapat melihat sendiri perubahan graf dari segi perspektif proses.

Kieran (1993 dalam Hollar & Norwood, 1999, m.s.220) telah mengutarakan pendapat mengenai *"… a function can be thought of in two ways: operationally (as a process) and structurally (as an object)"*. Kajian Kieran telah menyatakan bahawa terdapat dua cara pengajaran fungsi iaitu dengan menulis dan melihatnya sebagai satu persamaan. Persamaan sesuatu $f(x)$ dilihat sebagai objek yang menjelaskan bentuk-bentuk persamaan am semata-semata. Penyelesaian nilai x dan nilai y dicari dengan menggunakan jalan kira atau jalan kerja. Manakala satu lagi cara ialah menggunakan perisian yang memperlihatkan perubahan-perubahan graf sesuatu fungsi. Perubahan ini dirujuk sebagai proses yang berlaku. Penyelesaian nilai x dan nilai y boleh dilihat melalui titik koordinat graf yang dihasil oleh perisian.

Kebaikan graf *plotter* pula ialah ia membolehkan pelajar melihat kesan parameter yang berbeza dalam persamaan (French, 2002, m.s.82). Parameter merupakan pekali dan pemalar dalam sesuatu fungsi yang diberi. Ada juga kajian yang mentafsirkan parameter sebagai pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam persamaan. Perubahan parameter memberi kesan kepada bentuk dan kedudukan graf. Adalah lebih baik jika kesan perubahan ini dapat dilihat oleh pelajar sendiri supaya mereka sedar mengenai peranan parameter dalam sesuatu persamaan atau fungsi, $f(x)$.

Sememangnya, bukan mudah untuk menghasilkan sesuatu yang abstrak kepada konkrit agar pelajar nampak, faham dan sedar hubungan di antara satu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang satu lagi. Ini berlaku kerana proses penyelesaian persamaan dengan mencari nilai dalam jadual sentiasa berubah-berubah dan jawapan yang dihasilkan pula dalam bentuk yang berbeza. Manakala penerangan konsep yang abstrak kepada konkrit melalui perisian membolehkan pelajar melihat satu hubungan di antara persamaan algebra dengan bentuk graf.

French (2002) berpendapat *"Although a graph is an abstract representation it has a visual appeal and looks interesting, particularly when a family of related graphs is depicted"* (m.s. 81). Kajian ini menjelaskan bahawa graf merupakan sesuatu perwakilan yang abstrak dan dapat menimbulkan minat juga kelihatan menarik. Terutama sekali apabila hubungan antara graf-graf dapat digambarkan. Kelebihan ini dapat menjelaskan lagi perhubungan antara persamaan algebra dengan bentuk-bentuk graf yang dihasilkan. Justeru, penggunaan perisian boleh menunjukkan bentuk-bentuk graf yang dihasilkan, contohnya bentuk-bentuk graf fungsi kuadratik ini boleh diperlihatkan secara visual dengan mudah dan berkesan. Penggunaan perisian sebegini amat membantu pemahaman pelajar. Kajian Godwin, Sutherland, dan Beswetherick, (tahun tidak dinyatakan) menyatakan *graphing software also allows the easy changing of scales that are not afforded by traditional methods of graph plotting.* Perisian graf juga membenarkan pelajar melihat perubahan skala yang biasanya tidak dapat dilakukan oleh kaedah pengajaran memplot titik dan melukis graf di papan putih. Perubahan skala juga membenarkan pelajar melihat bentuk-bentuk pengubahsuaian graf atau melihat bentuk graf dengan lebih jelas.

Tambahan pula, menurut kajian mereka lagi bahawa *"…students do not always see a homogenous repsentation of a mathematical function"*. Kajian ini membincangkan mengenai kebanyakan pelajar masih tidak dapat melihat perwakilan fungsi yang sama bentuk contohnya $f(x) = 2x^2 + 3x + 4$ dengan $p(x) = 10x + x^2$. Kajian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

turut mendapati bahawa subjek kajian sememangnya menyedari bahawa sesuatu persamaan tidak semestinya kelihatan seperti '∪', adakalanya ia dapat digambarkan menerusi satu garisan melintang atau bentuk '∨'. Malah kajian Hollar dan Norwood (tahun tidak dinyatakan, m.s. 220) juga memberitahu *"...at the same time, improved performance on visual and graphing tasks"*. Dalam tempoh pengenalan perwakilan fungsi secara tidak langsung mereka dapat meningkatkan lagi persembahan mengenai gambar-gambar graf fungsi dan tugasan graf fungsi. Menurut French (2002) *"...the idea of representing the terms of a linear sequence algebraically and makes clear from the start where the equation comes from and what it means"* (m.s. 81). Kajian ini memberitahu bahawa bukan setakat gambaran dan tugasan graf fungsi tetapi idea mengenai perwakilan yang melibatkan turutan linear algebra (x^1, x^2, x^3…). Hubungan ini nampak dengan lebih jelas misalnya bentuk graf bila $f(x) = x$ kemudian bentuk graf yang melibatkan $f(x) = x^2$ dan $f(x) = x^3$ pula. Selain itu, bentuk ini membawa makna graf linear bagi $f(x) = x$ ialah graf garis lurus, graf kuadratik bagi $f(x) = x^2$ ialah graf yang melengkung ke bawah atau ke atas dan graf kubik bagi $f(x) = x^3$ ialah yang graf yang melengkung dua kali iaitu ke atas dan kebawah.

Pengajaran topik graf fungsi kuadratik boleh diperjelaskan menerusi visual yang dipaparkan oleh perisian di samping pelajar dapat meneroka pembelajaran secara penemuan berbimbing. Setiap soalan yang dikemukakan dalam lembaran yang disediakan dan jawapannya pula diperolehi menerusi perisian aplikasi yang ditunjukkan. Hujah ini menyokong dapatan kajian Godwin, Sutherland, dan Beswetherick, (tahun tidak dinyatakan) menyatakan tugasan di atas kertas atau lembaran adalah terarah atau tertumpu ke arah menganalisis kesan daripada mengubah sebahagian persamaan kuadratik yang berbentuk umum ke cara penstrukturan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Hennesy (2001 dalam kajian Godwin, Sutherland & Beswetherick, tahun tidak dinyatakan) telah membincangkan mengenai peranan teknologi dalam menggalakkan satu pendekatan penjelajahan *(exploratory approach)*. Beliau juga menyenaraikan beberapa cara, bagaimana kewujudan dan kemunculan graf itu boleh dimudahkan. Ini termasuk mampu untuk menghasilkan gambaran visual mengenai fungsi algebrik, menggalakkan penterjemahan di antara pelbagai gambaran visual, mempercepatkan proses menghasilkan graf dan bekerja serta mengurus jenis-jenis graf.

Begitu juga perisian yang digunakan dalam kajian penyelidikan hubungan statistik oleh Batanero, Estepa, dan Godina (tahun tidak dinyatakan, m.s. 191) yang mempunyai semua bahan yang diperlukan di dalam analisis data *exploratory* di peringkat universiti. Bahan-bahan analisis data yang diperlukan seperti jadual-jadual frekuensi dan perwakilan lambang bagi data terkumpul dan data tak terkumpul, pengiraan statistik menggunakan komputer dan sebagainya. Kajian ini memberitahu bahawa pelajar belajar sendiri di makmal statistik bagi menyelesaikan tugasan dengan menganalisis set data yang disediakan oleh guru atau pelajar dalam tujuh sesi. Selain daripada bahan-bahan yang diperlukan dalam perisian ada perkara asas yang turut diperkatakan misalnya perkara asas dalam pelajaran boleh ditekankan dengan menggunakan stimuli visual dan audio (Marzita Puteh dan Rohaidah Masri, 2002, m.s. 271). Dengan ini, persekitaran yang lebih menarik boleh disediakan kepada pelajar dalam mempelajari konsep-konsep dalam topik matematik. Apatah lagi jika menggunakan kaedah simulasi yang pastinya membuat proses pengajaran dan pembelajaran guru lebih menarik dan berkesan (Abu Bakar Mat Tai, 1997, m.s. 30).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.4 Kajian Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Perisian Matematik Luar dan Dalam Negara

Bahagian ini akan membincangkan tentang kajian-kajian yang telah dilakukan dengan menggunakan perisian matematik dalam topik Algebra, konsep fungsi, Fungsi Kuadratik, dan Statistik. Kajian lain seperti penggunaan perisian GSP dalam topik penjelmaan dan pembinaan perisian interaktif dalam topik pecahan.

Kajian oleh Stillson dan Alsup (2003) ini adalah untuk melihat keberkesanan sistem pembelajaran atau perisian interaktif secara talian terus (online) dalam mempelajari Asas Algebra di universiti. Selain daripada sistem pembelajaran ALEKS (Assessment and Learning in Knowledge Spaces) ini, buku teks iaitu *Elementary and Intermediate Algebra: A Unified Approach* oleh Hutchison, Bergman dan Hoelzle keluaran tahun 2000 turut juga digunakan. Kajian ini dijalankan ke atas tiga kelas kursus Asas Algebra pada musim luruh 2001 di sebuah universiti di Pertengahan Barat, pensyarah yang sama bagi kelas ketiga-tiga kursus. Kajian ini mengkaji kebolehan teknologi membantu pelajar-pelajar menyiapkan tugasan matematik dengan menggunakan kemahiran algebra. Selain daripada itu, kajian ini juga dapat mempertingkatkan idea-idea matematik yang telah diketahui dan membina pengetahuan dalam bidang asas algebra.

Secara umumnya, pelajar-pelajar yang mendapat faedah yang banyak daripada sistem talian terus ALEKS ialah mereka yang mengambil masa untuk mempelajari program ini dan menggunakannya. Data jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang meluangkan masa dengan ALEKS dapat memperkayakan pemahaman mereka tentang algebra dan lulus kursus. Pelajar-pelajar bukan tradisional pada keseluruhannya mendapat pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar tradisional.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pelajar bukan tradisional telah membentuk kemahiran belajar yang baik dan meluangkan masa yang perlu untuk menyiapkan tugasan. Kajian ini juga membincangkan secara ringkas mengenai kebimbingan pensyarah terhadap pelajar-pelajar yang memerlukan kursus asas Algebra tetapi tidak boleh menggunakan sistem ALEKS dengan betul, sama ada disebabkan motivasi yang kurang, takutkan teknologi atau kurang kemahiran belajar yang baik.

Dapatan kajian O'Callaghan (1998, m.s. 21) telah menunjukkan keputusan bahawa pelajar *Computer-Intensive Algebra* (CIA) lebih berjaya secara keseluruhan dalam memahami konsep fungsi dan lebih baik di dalam komponen *modeling, interpreting* dan *translating* berbanding pelajar *Traditional Algebra* (TA). Tidak ada signifikan terhadap perbezaan-perbezaan yang diperolehi dalam keputusan untuk *reifying,* iaitu ditimbulkan sebagai komponen yang paling susah dalam penyediaan model fungsi. Walau bagaimanapun, penggunaan perisian CIA memberi kesan yang baik terhadap pelajar yang mempelajari konsep fungsi ini. Sebenarnya asas kepada penyelidikan ini adalah menyediakan rangka kerja konseptual bagi menerangkan pengetahuan fungsi dalam tiap-tiap satu komponen kemahiran-kemahiran terdiri daripada empat aspek iaitu *modeling, interpreting, translating dan reifying*.

Komponen *reifying* merupakan komponen terakhir model fungsi yang didefinasikan sebagai pembentukan objek mental dari apa yang dilihat pada mulanya sebagai proses atau prosedur. Objek matematik ini kemudiannya dilihat sebagi satu entiti yang mempunyai sifat tertentu dan boleh dikendalikan oleh tahap proses yang lebih tinggi seperti perubahan (O'Callaghan, 1998, m.s. 25).

Perisian CIA merupakan satu kurikulum yang inovatif iaitu pelajar akan diberikan situasi pengayaan soalan dan mereka boleh meneroka melalui pelbagai cara dan anggapan situasi sebenar soalan (m.s. 22). Aktiviti-aktiviti yang dijalankan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

biasanya dengan pelajar menyelesaikan masalah dan menggunakan bantuan komputer *(e.g. symbol-manipulation programs)* dan menerankan cara penyelesaian (m.s.22). Tujuannnya membantu pelajar-pelajar menemui idea-idea penting dan menghubungkait idea-idea itu dalam algebra (Fey, 1992 dalam O'Callaghan, 1998, m.s.23). Penekanan kurikulum CIA ke atas konsep fungsi menunjukkan hipotesis yang sama mengenai kesan-kesan pemahaman fungsi pelajar. Menurut O'Callaghan (1998, m.s. 23) kajian ini direka untuk menjawab persoalan, adakah pelajar CIA mencapai tahap pemahaman konsep fungsi yang lebih baik daripada pelajar TA?. Tujuan kajian jelas membuktikan bahawa kurikulum CIA perlu menggantikan penstrukturan semula algebra di sekolah kerana kurikulum baru ini telah berjaya menggabungkan teknologi iaitu penggunaan komputer sebagai penyelesaian masalah dalam pembelajaran.

Kajian Godwin, Sutherland, dan Beswetherick, (tahun tidak dinyatakan) berkenaan penggunaan aplikasi graf yang membantu dalam memahami dengan lebih mendalam mengenai Fungsi Kuadratik. Penyelidikan bermula dengan penggunaan *software package Omnigraph* dalam menyelesaikan Persamaan Kuadratik. Dalam kajian ini, subjek kajian telah dibantu oleh guru matematik. Kajian ini mengandungi analisis mengenai jenis-jenis output dan sifat-sifatnya yang dihasilkan oleh subjek kajian. Selain itu,

> *"…there is a consideration of the balance of prescriptive and experimental tasks and their role in scaffolding learning, a reflection on the role of the scaling facility of the software to change the appearance of functional representations and an assessment of the effectiveness of the learning environment…".*

Hujah di atas menyatakan terdapatnya pertimbangan penting dalam keseimbangan yang menentukan tugas-tugas eksperimen serta peranannya dalam pembelajaran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

scaffolding. Refleksi terhadap peranan kemudahan menskala yang terdapat di dalam program komputer untuk mengubah atau menukar penampilan sesuatu gambaran fungsi. Ia juga merangkumi satu penilaian terhadap keberkesanan suasana atau persekitaran pembelajaran.

Scaffolding mempunyai makna asasnya ialah kerangka besi dan kayu yang menyokong bangunan. *Scaffolding* dalam pembelajaran adalah bantuan atau bimbingan oleh orang dewasa atau rakan yang lebih berpengetahuan dalam menguasai sesuatu kemahiran atau ilmu. Bantuan diberi lebih besar di awal pembelajaran dan semakin berkurangan dan akhirnya tiada langsung sebab kanak-kanak telah boleh buat sendiri (Ramlah Jantan & Mahani Razali, 2002, m.s.44).

Melalui ujian berbentuk pra dan pos-inisiatif serta temu bual yang dibuat bagi membuktikan pembelajaran pelajar berhubung Fungsi Kuadratik. Bukti tersebut dipamerkan untuk menyetujui bahawa kemudahan skala atau nisbah melalui program komputer telah membolehkan subjek kajian memahami bahawa graf untuk sesuatu fungsi boleh wujud dalam pelbagai bentuk yang berbeza. Hasil kajian mendapati, subjek kajian berjaya mengutarakan pendapat-pendapat positif dan pemahaman beliau jelas dapat dilihat semasa persembahan beliau dalam temubual pos-inisiatif. Beliau juga telah berjaya memplotkan sekurang-kurangnya 71 graf dan 31 graf daripadanya telah diuji kesahihannya.

Kajian Batanero, Estepa, dan Godina (tahun tidak dinyatakan, m.s.191) memberitahu mengenai kesan-kesan pengajaran berasaskan perisian komputer terhadap kefahaman pelajar mengenai statistik. Hasilnya pengkaji telah mengenal pasti beberapa salah faham mengenai statistik dan pelbagai kefahaman yang berbeza mengenai perkaitan statistik yang pelajar tunjukkan di dalam proses pembelajaran. Dalam kajian ini, pelajar belajar menyelesaikan masalah di makmal statistik dengan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menganalisa set data yang disediakan oleh guru atau pelajar sendiri. Pembelajaran ini dilakukan selama tujuh sesi. Subjek kajian merupakan bakal guru-guru sekolah rendah. Kajian ini turut membincangkan betapa sukarnya melatih guru pelatih untuk mengajar statistik (Hawkins, 1990 dalam Batanero, Estepa, & Godina, tahun tidak dinyatakan, m.s. 196). Oleh yang demikian, penggunaan perisian merupakan salah satu langkah membantu mereka mempelajari statistik.

Selain itu, subjek statistik menjadi lebih menarik kepada pelajar jika ia dapat memberi tumpuan kepada minat pelajar di dalam masalah yang boleh diselesaikan oleh statistik. Lebih merumitkan apabila subjek ini memerlukan lebih daripada pengetahuan matematik guru-guru. Keperluan tersebut termasuklah menyediakan dan menjalankan projek-projek, menggalakkan kerjasama antara pelajar, memahami grafik, pengiraan dan sebagainya. Bukan setakat sebagai satu panduan, tetapi satu cara pemahaman statistik yang penting. Tambahan pula komputer terkini telah dapat meluaskan pengetahuan tentang statistik dan pelajar perlu belajar menggunakan perisian untuk menyelesaikan masalah statistik. Persembahan dan data analisis terbaru, beserta dengan pelbagai penyelesaian masalah yang ada di dalam komputer dapat menjana perubahan-perubahan dalam konsep statistik di samping peraturan-peraturan lain yang pelajar perlu pelajari.

Kajian keberkesanan penggunaan perisian *The Geometer's Sketchpad* (GSP) oleh Bhasah Abu Bakar dan Rafidah Wahab dalam pengajaran matematik merupakan satu kajian tindakan yang dijalankan untuk mengkaji keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantukan komputer (PPBK). Kajian telah dijalankan di sebuah sekolah di Kuala Lipis, Pahang. Perbandingan dilakukan di antara pengajaran menggunakan perisian GSP dengan kaedah konvensional dalam mempertingkatkan lagi pencapaian matematik berdasarkan pengajaran di bawah tajuk Penjelmaan kepada

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pelajar Tingkatan Dua. Reka bentuk yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah eksperimen quasi daripada jenis rekabentuk kumpulan takseimbang *(Quasi Experiment – nonequivalent group design).* Seramai 66 orang responden daripada dua buah kelas Tingkatan Dua Sekolah Menengah Rancangan Khas menjadi persampelan *intact group* dalam kajian ini. Kedua-dua kumpulan ini diberikan ujian pra sebelum kajian bermula. Ujian pos diberikan selepas pengajaran dibuat menggunakan GSP bagi kumpulan satu dan pengajaran secara konvensional bagi kumpulan dua.

Jangka masa kajian selama tiga minggu dan guru yang sama mengajar mengajar bagi kedua-dua kumpulan berkenaan. Analisis kajian ini adalah berteraskan kepada statistik perihalan dan inferen telah menunjukkan bahawa kaedah PPBK dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam topik Penjelmaan di samping meningkatkan keseronokan mereka mempelajari matematik. Ujian-*t* yang digunakan telah dapat menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan yang menggunakan perisian komputer GSP dengan kumpulan yang menggunakan konvensional.

Kajian diagnostik dan pemulihan pembelajaran pecahan melalui perisian multimedia interaktif oleh Salwa Abu Bakar dan Zaleha Ismail. Perisian multimedia interaktif dibina kerana didapati ramai pelajar tidak dapat menguasai konsep pecahan dengan baik. Kajian ini bermula dengan langkah pembinaan perisian yang berpandu Model Alessi dan Trollip (1991; 2001 dalam Salwa Abu Bakar & Zaleha Ismail, 2002, m.s.325). Pembinaan perisian yang mengaplikasikan Model Alessi dan Trollip ini telah mengambil kira semua langkah penting dalam pembinaan perisian yang di antaranya ialah menentukan matlamat, mengkaji isi kandungan, mereka bentuk pengajaran dan menyediakan papan cerita. Penggunaan perisian telah diuji oleh pelajar daripada beberapa buah sekolah rendah di Johor Bharu. Ujian diagnostik merangkumi soalan prosedural dan soalan konseptual bergambar bergambar rajah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Pelajar boleh memberi respon dengan pelbagai cara seperti menaipkan jawapan dalam bentuk pecahan, mewakili penambahan secara bergambar, mewarna bahagian pecahan dan membina gambar rajah untuk mewakili penambahan pecahan. Apabila ujian selesai, pelajar dimaklumkan dengan jenis kesilapan yang telah dilakukan supaya pelajar dan guru boleh berpandukannya untuk tujuan pemulihan. Aktiviti pemulihan disediakan mengikut aras kemahiran sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Analisis data menggambarkan jenis kesilapan yang dilakukan oleh 50 orang pelajar yang telah menjalani ujian pra dan ujian pos berkomputer. Ujian pra adalah ujian penambahan pecahan berkomputer yang telah diambil sebelum pelajar mengikuti aktiviti pembelajaran berkomputer dan ujian pos adalah ujian selepas pelajar mengikuti pembelajaran berkomputer atau dikenali sebagai aktiviti pemulihan. Hasil kajian juga mendapati penggunaan perisian ini berpotensi meningkatkan pembelajaran pecahan dari aspek kemahiran dan penguasaan konsep di kalangan pelajar yang terdiri daripada pelbagai tahap pencapaian.

2.5 Kajian-kajian Kefahaman Pelajar Tentang Perwakilan Fungsi

Bahagian ini akan membincangkan tentang konsep fungsi, perwakilan fungsi, sifat dan bentuk serta hubungan pembolehubah. Turut dibincangkan mengenai kekeliruan graf fungsi dan sebab kekeliruan.

Ferrini-Mundy dan Lauten (1993, m.s.155) menyatakan konsep fungsi merupakan tulang belakang matematik moden. Hari ini kebanyakan bidang di peringkat tertiari seperti sains, matematik, teknikal, statistik, kejuruteraan, perubatan,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pengurusan, kewangan, ekonomi, alam sekitar, ketenteraan dan lain-lain memerlukan pelajar menguasai matematik. Dalam kajian Hollar dan Norwood (1999, m.s.220) juga menyebut *"The function concept is considered by many to be one of the most central concepts in all mathematics..."*. Manakala O'Callaghan (1998, m.s.23) pula memberitahu konsep fungsi adalah perlu bagi kurikulum algebra dan ramai menganggap konsep ini paling penting dalam semua subjek matematik. Kenyataan ini juga tertera dalam "*The Curriculum and Evaluation Standards for School Mathematics"* (NCTM, 1989, dalam O'Callaghan, 1998, m.s.23) yang menekankan kepentingan menyatukan konsep dan memanggil konsep fungsi sebagai prinsip utama penyusunan kurikulum matematik menengah dan tinggi.

Ini juga berlaku di sekolah-sekolah di Malaysia, dalam subjek Matematik Tambahan, konsep fungsi di dalam komponen algebra perlu dikuasai terlebih dahulu sebelum beralih ke skim komponen geometri dan statistik di tingkatan empat kemudian komponen trigonometri dan kalkulus di tingkatan lima (Huraian sukatan pelajaran Matematik Tambahan, 2003). Pada peringkat awal dalam buku teks, konsep fungsi diperkenalkan dalam bab satu yang bertajuk Fungsi yang melibatkan sub topik di bawah:

1.1 Hubungan,

1.2 Fungsi,

1.3 Fungsi Gubahan dan

1.4 Fungsi songsang.

Selepas itu, bab dua yang bertajuk Persamaan Kuadratik iaitu melibatkan sub topik:

2.1 Persamaan Kuadratik dan Puncanya,

2.2 Penyelesaian Persamaan Kuadratik Fungsi Gubahan dan

2.3 Syarat bagi Menentukan Punca Persamaan Kuadratik

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kemudian baru bab ketiga iaitu Fungsi Kuadratik.

Persoalannya, apa yang dikatakan fungsi? Bilings dan Lakatos (2003) merumuskan bahawa fungsi dan hubungan melibatkan pemboleh ubah dan menerangkan bagaimana perubahan dalam satu pemboleh ubah menyebabkan perubahan dalam pemboleh ubah kedua. Fungsi juga boleh diwakili oleh beberapa bentuk perwakilan. Menurut Verstapen (1982, dalam Kieran, 1992, m.s.391) menyebut tiga kategori untuk merekodkan hubungan fungsi menggunakan bahasa matematik iaitu a) geometri – skim, gambarajah, histogram, graf, lukisan, b) aritmetikal – nombor, jadual, pasangan tersusun (ordered pairs), dan c) algebraik – simbol huruf, formula, pemetaan. Kajian oleh Fey (1984, dalam O'Callaghan, 1998, m.s.23) turut menyatakan fungsi dianggap mempunyai berbagai-bagai rupa bentuk sistem iaitu persamaan, jadual dan graf.

Apa juga takrifan yang diberi, kesimpulannya pengkaji berpendapat bahawa fungsi merupakan hubungan dua set iaitu set A dan set B dengan syarat setiap objek iaitu unsur set A mesti mempunyai satu imej iaitu unsur set B dan tidak semestinya unsur set B mempunyai objek unsur A. Hubungan fungsi melibatkan perwakilan-perwakilan yang bermula dengan persamaan algebra, jadual mencari nilai x dan y, titik-titik koordinat (x, y), memplotkan titik-titik dan graf. Daripada graf pula, terdapat titik maksimum atau titik minimum, nilai maksimum dan nilai minimum, nilai paksi simetri, nilai-nilai punca serta lain-lain lagi.

Malahan, O'Callaghan (1998, m.s.23) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar perlu memahami maklumat yang dipersembahkan dalam bentuk-bentuk yang berbeza dan juga pelajar boleh melakukan transisi di antara pelbagai pernyataan. Pendapat ini sama dengan French (2002, m.s.82) yang memberitahu pelajar-pelajar perlu memahami perkaitan di antara persamaan, nilai-nilai jadual atau set koordinat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dan graf serta graf juga boleh bergerak lancar di antara pernyataan-pernyataan yang berbeza. Hujah-hujah di atas membincangkan mengenai kesemua perwakilan fungsi termasuklah unsur hubungan yang terdiri daripada simbol, formula, persamaan, perkaitan antara dua pemboleh ubah, pemetaaan, jadual dan graf.

Sukatan Pelajaran Matematik KBSM turut menyatakan bahawa perkaitan atau hubungan terdiri daripada empat jenis hubungan. Perkara yang boleh ditekan di sini tidak semua hubungan adalah fungsi. Jika ia melanggar takrifan yang telah diperjelaskan oleh pengkaji maka hubungan itu bukan fungsi. Takrifan yang jelas amat penting kepada pelajar agar mereka faham makna fungsi dan fungsi juga boleh dinyatakan atau digambarkan dalam pelbagai bentuk seperti jadual, graf, rumus, persamaan dan ketaksamaan. Apa yang penting di sini ialah pelajar sepatutnya sedar tentang kehadiran perwakilan-perwakilan fungsi tersebut serta sifatnya yang boleh bertukar dari satu bentuk perwakilan ke bentuk yang lain, seperti dari bentuk formula ke bentuk jadual atau ke bentuk graf, dan sebaliknya serta mahir berpindah dari satu bentuk perwakilan ke bentuk yang lain. Kemahiran tersebut penting seperti yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Matematik KBSM: Pernyataan perkaitan dalam bentuk-bentuk tersebut merupakan satu alat yang berguna dan berkesan untuk penyelesaian masalah dan berkomunikasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Kajian O'Callaghan (1998, m.s.24) mengenai *Computer Intensive Algebra* (CIA) menyatakan kurikulum algebra ini dibentuk melalui konsep fungsi dan pemboleh ubah. Pemboleh ubah digambarkan sebagai kuantiti yang berubah-ubah apabila situasi berubah dan fungsi dilihat sebagai hubungkait di antara pemboleh ubah. Kajian oleh Thompson (1985, dalam O'Callaghan, 1998, m.s.24) juga menyatakan bahawa sifat-sifat yang perlu dalam pembinaan pengetahuan matematik dalam mewujudkan hubungkait dan merupakan ciri-ciri dalam menyelesaikan masalah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

matematik. O'Callaghan (1998, m.s.24) juga berpendapat apabila pelajar telah mula biasa dengan permulaan fungsi, penekanan keseluruhan adalah kepada konsep daripada prosedur pengetahuan.

Walaupun, penekanan fungsi kepada hubungkait di antara dua pemboleh ubah yang melibatkan simbol algebra x dan y tetapi ramai pelajar tidak menyedari hubungan tersebut. Menurut Schwarz dan Dreyfus dalam kajian O'Callaghan (1998, m.s. 23) menyatakan pelajar bermasalah dalam mentafsirkan perwakilan fungsi yang berbeza. Pendapat Goldenberg (1991, dalam kajian oleh Godwin, Sutherland, & Beswetherick, tahun tidak dinyatakan), iaitu kesukaran pelajar melihat kesan daripada pemboleh ubah yang berubah-ubah. Permasalahan ini berlaku kerana pelajar tidak tahu apa yang dimaksudkan dalam persamaan sesuatu fungsi. Di sini, persamaan memberikan cara untuk mengurung corak-corak dalam koordinat satu set titik-titik yang berada pada satu satu garis lurus dan berfungsi sebagai label unik yang menonjolkan sifat-sifat utama (French, 2002, m.s.82). Contohnya graf garis lurus $y = 2x$ dibentuk apabila titik-titik (x_i, y_i) diplot iaitu {(1, 2), (2, 4), (3, 6), (4, 8), (5, 10)} yang diperolehi daripada persamaan algebra.

Dalam kajian Llinares (2000, m.s.52) yang memperlihatkan pengetahuan profesional seorang guru sekolah menengah dalam pengajaran dan pembelajaran konsep fungsi. Subjek kajian iaitu Puan M telah mengajar pelajar-pelajarnya untuk membina makna bagi konsep fungsi berdasarkan perspektif objek (graf) dan perspektif proses (titik ke titik). Oleh yang demikian, kepentingan pelajar melihat perkaitan di antara persamaan dengan titik koordinat atau jadual dengan graf merupakan satu hubungan yang tidak boleh dipisahkan. Pelajar sepatutnya menguasainya terlebih dahulu sebelum meneruskan pembelajaran yang lebih kompleks.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kemampuan pelajar dalam mempelajari fungsi dalam graf juga banyak menimbulkan kekeliruan malah ada pelajar tidak tahu hubungan antara graf dan persamaan yang diberi oleh guru. Menurut Van Dyke dan Craine (1997), walaupun kita telah menyakinkan pelajar tentang jadual dan graf, masih ramai yang cenderung untuk melupakan kaitan rapat antara perwakilan-perwakilan tersebut, dan melihat ketiga-tiga perwakilan itu sebagai berasingan dan tidak berkait langsung. Antara yang paling banyak menimbulkan masalah di antara perwakilan-perwakilan fungsi adalah graf. Perkara ini disokong oleh Kieran (1992, m.s.392) yang menyatakan graf memang banyak menimbulkan masalah di kalangan pelajar algebra. Yerushalmy (1988, dalam Kieran 1992, m.s.392) mengatakan pelajar cenderung tersalah interpretasi maklumat yang ada pada graf.

Manakala Swan (1982, dalam Kieran, 1992, m.s.393), akibat penekanan secara eksklusif kemahiran-kemahiran ini (seperti mencari nilai bagi jadual, memplot poin pada graf Cartesian, membaca koordinat graf dan lain-lain) menyebabkan pelajar hilang tumpuan tentang makna pembelajaran graf sebenar, mereka jarang menjumpai graf selain graf garis lurus dan tidak cukup latihan dalam menterjemah graf yang berkait dengan situasi realistik. Malah ada pelajar yang boleh melukis graf fungsi seperti $x - 2y = 5$ tetapi tidak mampu merujuk kepada satu graf yang diberi dan mengenalpasti penyelesaian kepada persamaan yang sepadan dari graf tersebut (Wagner & Parker, 1993).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.6 Motivasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

Bab ini membincangkan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran Matematik dan Sains.

Kebimbangan yang tinggi adalah disebabkan salah satunya pelajar mempunyai persepsi negatif dan ini secara tidak langsung mereka berasa kurang atau tidak bermotivasi semasa mempelajari matematik. Ramai pelajar mempunyai kebimbangan terhadap subjek matematik. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ramai di antara pelajar mempunyai kebimbangan matematik yang tinggi (Marzita Puteh, 2002 dalam Marzita Puteh & Rohaidah Masri, 2002, m.s.270). Kebimbangan ini boleh dikaitkan dengan persepsi mereka terhadap mata pelajaran matematik itu sendiri. Kebanyakan pelajar mempunyai persepsi bahawa matematik adalah sangat abstrak dan sukar difahami (Marzita Puteh & Rohaidah Masri, 2002, m.s.270). Menurut T. Subahan Mohd Meerah dan Abd Rashid Johar (1995, m.s.195) kesediaan asas matematik dan sains yang lemah serta pandangan ‘umum’ sains itu sukar menyebabkan ramai pelajar kurang motivasi mempelajari sains dan matematik.

Oleh itu, satu lagi faktor untuk menarik pelajar ke elektif yang berasaskan sains dan teknologi adalah berkaitan motivasi (T. Subahan Mohd Meerah & Abd Rashid Johar, 1995, m.s.194). Motivasi dalam pembelajaran sangatlah penting terutama dalam mencapai matlamat pembelajaran (Ramlah Jantan & Mahani Razali, 2002, m.s.145). Usaha-usaha perlu dicari untuk memberi pelajar motivasi dan keyakinan diri terhadap kemampuan mereka dalam mata pelajaran itu (T. Subahan Mohd Meerah & Abd Rashid Johar, 1995, m.s.195). Dalam proses pengajaran, perkara yang amat sukar bagi kebanyakan guru ialah bagaimana mendapatkan murid

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

melibatkan diri di dalam pembelajaran dan mengekalkan minat mereka di dalam perkara-perkara yang dipelajari (Ramlah Jantan & Mahani Razali, 2002, m.s.145).

Sehubungan dengan itu, konsep pengajaran dan pembelajaran berbantukan komputer perlu diimplementasikan oleh para guru dalam memupuk motivasi, keyakinan, minat dan kesungguhan pelajar dalam mempelajari matematik. Pendapat Zulaika dan Norita (1996 dalam Marzita Puteh & Rohaidah Masri, 2002, m.s.270) kebanyakan projek-projek multimedia untuk matematik dibina bagi mengatasi tiga masalah utama dalam mata pelajaran matematik dan salah satunya kurang motivasi. Malah penggunaan alat teknologi seperti komputer dan kalkulator grafik merupakan salah satu elemen yang penting agar pelajar bermotivasi dan berkeyakinan untuk mempelajari sesuatu.

Kajian Noraini Idris, Tay Bee Lian, Ding Hong Eng, Goh Lee Siew, Anis Sabarina & Nilawati Mahfud, 2003, m.s.15) menyatakan *"Some even enjoyed using the graphing calculator. Many also discovered that the behaviour of the students in a graphing calculator enhanced class was much improved, as the students were more motivated to learn"*. Kajian lain juga telah menunjukkan *"... 50% of the students in the experimental groups also admitted that using the graphing calculator had boosted their self-confidence in learning mathematics"*. Ini terbukti apabila pelajar dalam kajian *Computer-Intensive Algebra* (CIA) telah menunjukkan signifikan yang lebih baik terhadap sikap mereka dalam mempelajari matematik, mereka juga merasa kurang bimbang mengenai matematik dan secara umumnya pelajar kelas CIA merasakan adalah lebih menarik. Keputusan yang tinggi dan cemerlang diperolehi oleh pelajar yang selesai menduduki kelas CIA ini (O'Callghan, 1998, m.s.23).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Motivasi dalam diri seseorang merupakan sesuatu perkara yang penting dan perlu ada dalam diri seseorang. Ia adalah penting untuk dibincangkan berterusan dan perlu juga kita ramalkan supaya kita mengetahui kenapa seseorang melakukan sesuatu yang mereka mahukan (Mohd Salleh Tahar, Noraiani Kaprawi, Jailani Md Junos, Wahid Razzaly, Ilyas Hashim, Abdul Mutalin Leman & Rosni Ahmad, 2004, m.s.147, 148). Misalnya sebagai guru, penggunaan teknologi adalah salah satu faktor penyebab pelajar boleh melakukan sesuatu untuk mencari jawapan dengan mudah. Kajian Noraini Idris (2003) memberitahu bahawa *"technology can help students matematics. For example, with calculators and computer students can examine more examples or representational forms than are feasible by hand, so they can make and explore conjectures easily"*(m.s.98). Kemampuan komputer membantu pelajar melihat dengan teliti lebih banyak contoh-contoh dan bentuk-bentuk perwakilan berbanding jika mereka hanya menggunakan tangan untuk melukis atau melakarkan graf. Selain itu, penggunaan komputer menyebabkan pelajar dapat membuat penerokaan andaian-andaian matematik dengan lebih mudah. Bila pelajar boleh melakukan sesuatu dengan mudah dan memahami dengan baik sesuatu pembelajaran sudah pastinya pelajar ini mempunyai motivasi untuk meneruskannya.

Kajian menunjukkan *"the use of graphing calculator enhancing students' motivation in learning mathematics and they had positivie attitude toward mathematics* (Khairiree, Vui, Alindada & Norjoharuddeen, 2003 dalam Khairiree, 2003, m.s.115). Penggunaan alat teknologi dapat meningkatkan lagi motivasi pelajar dalam mempelajari matematik di samping mereka mempunyai sikap yang positif terhadap matematik. Ini amat penting agar dapat membantu mereka mempelajari topik atau kemahiran yang sukar dalam matematik supaya mudah faham dan suka

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

menerokainya. Kajian lain pula mendapati sangat sedikit pelajar yang kurang bermotivasi bila menggunakan alat teknologi dalam proses pembelajaran matematik. *"The less motivated or passive students were also seen comparing the answers with friends and occasionally asking for help from the researcher"* (Kor Liew Kee & Lim Chap Sam, 2003, m.s.18).

Bagi motivasi dalam pembelajaran, ia merupakan suatu bidang yang perlu dikaji untuk membolehkan kita bersaing dalam bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan individu lain. Penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran ini memerlukan sikap sentiasa bermotivasi dalam belajar. Namun begitu tidak semua orang pada azalinya mempunyai motivasi dalam dirinya. Walau bagaimanapun, motivasi boleh diwujudkan dalam pembelajaran dengan mempelbagaikan aktiviti pembelajaran dan pengajaran oleh guru dan pelajar (Mohd Salleh Tahar, Noraiani Kaprawi, Jailani Md Junos, Wahid Razzaly, Ilyas Hashim, Abdul Mutalin Leman & Rosni Ahmad, 2004, m.s.147, 148). Dalam kajian Godwin, Sutherland, dan Beswetherick, (tahun tidak dinyatakan) menjelaskan;

> *"There was clear evidence that Kay enjoyed working with the software and was actively engaged in the tasks. This was reflected by her eager participation in whole class interactions, a praising comment to the teacher after one of the sessions, a positive post test remark, and her understanding demostrated in the post-initiative interviews".*

Kajian ini membuktikan bahawa subjek kajian, Kay sangat seronok apabila menggunakan perisian komputer dalam menyelesaikan sesuatu tugasan dan juga memainkan peranan aktif sepanjang menyiapkan tugasan tersebut. Selain itu, subjek kajian juga berjaya mengutarakan pendapat-pendapat positif dan pemahaman beliau dapat ditunjukkan semasa persembahan beliau dalam temuramah pos-inisiatif Apa yang penting di sini, melalui teori pembelajaran sosial, "*we knows the learners must*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

expect to succeed and also believe that what they're learning is important and value if they are to be motivated" (Noraini Idris, 2003, m.s. 92). Pengkaji perlu sedar setiap pelajar mesti mempunyai jangkaan untuk berjaya dan percaya bahawa setiap perkara yang dipelajari adalah penting dan bernilai jika mereka menpunyai daya motivasi diri.

Kebanyakan pelajar berpendapat penggunaan perisian kursus dapat meningkatkan motivasi pelajar dan keberkesanan p&p. Menurut Norhashim Abu Samah, Mazenah Youp dan Rose Alinda Alias (1996) dalam Mohd Jasmy Abdul Rahman, Mohd Arif Ismail, Shahidah Ibrahim dan Rosnaini Mahmud (2001, m.s.357), minat pelajar untuk terus belajar dapat dipertingkatkan dengan adanya faktor motivasi yang memainkan peranan yang sangat penting dalam perisian kursus. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Salleh Tahar, Noraiani Kaprawi, Jailani Md Junos, Wahid Razzaly, Ilyas Hashim, Abdul Mutalin Leman dan Rosni Ahmad (2004, m.s.159) mendapati penggunaan perisian komputer dalam p&p telah meningkatkan motivasi dan mengekalkan minat pelajar dalam mata pelajaran yang dipelajari. Ini terbukti melalui kajian Noraini Idris (2003) yang menunjukkan *"majority of the students are motivated to achieve learning goals that they consider relevents to their needs. Students usually aim to achieve goals that they perceive as interesting"* (m.s.104). Kajian ini menyokong tentang pentingnya pelajar bermotivasi untuk mencapai kejayaan. Kejayaan di sini lebih menjurus kepada kefahaman pelajar mempelajari sesuatu topik atau kemahiran yang disampaikan oleh guru tanpa rasa jemu. Matlamat lebih mudah dicapai jika pelajar mempunyai motivasi dan kehendak diri sendiri.

Manakala kajian lain telah menyatakan *"that students in the experimental class had slightly more positive attitudes than their counterparts in the control class had about mathematics and their mathematical abilities"* (Hollar dan Norwood, 1999,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

m.s.221). Sikap positif terhadap matematik dalam kumpulan rawatan dapat dilihat di kalangan pelajar berbanding kumpulan rawatan. Ini menunjukkan betapa penting motivasi diri dan sikap positif terhadap matematik sudah pastinya menyumbang ke arah pencapaian yang lebih baik khususnya dalam subjek ini.

Selain itu, penggunaan perisian juga memberi kesan yang baik daripada segi emosi seperti lebih seronok, rasa kelainan dan menarik perhatian di samping pemahaman konsep yang lebih cepat dan mudah. Teks, gambar, bunyi dan animasi yang digabungkan dalam PBK akan memberikan gambaran yang lebih jelas dan mempercepatkan pemahaman pelajar (Zaidatun Tasir dan Yap Sao Wen, 2000, m.s.17). Kesan baik yang melibatkan perubahan emosi bukan sahaja membantu mempercepatkan proses pemahaman tetapi dapat meningkatkan lagi aras motivasi diri. Aras motivasi yang tinggi menyebabkan pelajar memberi lebih perhatian ketika guru mengajar (Ee Ah meng, 1994, m.s.211).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 3

METODOLOGI

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian. Sehubungan itu, bab ini membincangkan secara terperinci berkenaan reka bentuk kajian, pemboleh ubah, persampelan, instrumen, prosedur kajian eksperimen dan prosedur mempastikan kesahan kajian. Selain itu, cara ringkas penggunaan *Autograph* dan contoh-contoh soalan menggunakan perisian *Autograph*.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk eksperimental kuasi (*Quasi Experiment-nonequivalent group design*) untuk mengkaji keberkesanan perisian *Autograph* dalam topik Graf Fungsi Kuadratik terhadap pencapaian pelajar. Ini adalah selaras dengan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kenyataan Sidek Mohd Noah (2002, m.s.46) bahawa kajian ini dijalankan sekiranya kajian eksperimen sebenar tidak dapat dilaksanakan atas sebab beberapa pemboleh ubah tidak dapat dikawal. Dua bentuk pengajaran digunakan dalam kajian ini iaitu Pengajaran Berbantukan Komputer (PBK) dengan pengajaran seperti biasa di dalam kelas (tanpa menggunakan komputer). Menurut Ary, Jacobs & Razavieh (2002 m.s.316) jadual 3.1 menunjukkan dengan jelas reka bentuk kajian yang dijalankan.

Jadual 3.1

Reka bentuk 9: Kumpulan Kawalan Tidak Dirawak, Rekabentuk Ujian Pra-Ujian

Kumpulan	Ujian Pra	Pembolehubah tidak bersandar	Ujian Pos
E	Y_1	*X*	Y_2
C	Y_1	-	Y_2

E – Kumpulan eksperimental Y_1 – Ujian pra *X* – PBK (perisian *Autograph*)

C – Kumpulan kawalan Y_2 – Ujian pos - – Pengajaran konvensional

Kedua-dua kumpulan akan diberi ujian pra (*pretest*) dan ujian pos (*posttest*). Ujian pra dan ujian pos yang diberi adalah sama dari segi soalan yang dikemukakan. Malah ujian pra dan ujian pos yang diberi kepada kedua-dua kumpulan juga adalah sama. Pada minggu pertama, ujian pra akan diberi kepada kedua-dua kumpulan secara serentak sebelum pengajaran topik Graf Fungsi Kuadratik diadakan pada minggu seterusnya. Minggu kedua dan minggu ketiga pula, pengajaran menggunakan perisian *Autograph* (pengajaran berbantukan komputer atau PBK) didedahkan kepada kumpulan rawatan dan pengajaran secara konvensional kepada kumpulan kawalan. Selepas pengajaran, kedua-dua kumpulan diberikan ujian pos. Kumpulan rawatan juga

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

akan diberikan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat mengenai motivasi pelajar dan juga pengalaman menerima pengajaran berbantukan komputer.

Pemboleh ubah dalam kajian yang akan dijalankan ialah seperti berikut:

1. Pemboleh ubah bersandar ialah peningkatan skor (ujian pos – ujian pra) bagi topik Graf Fungsi Kuadratik.
2. Pemboleh ubah tak bersandar ialah kaedah pengajaran yang digunakan iaitu Pengajaran Berbantukan Komputer (PBK) dan pengajaran konvensional.

3.2 Populasi dan sampel kajian

Kajian ini dilakukan di salah sebuah sekolah menengah di Daerah Tapah. Populasi kajian terdiri daripada tiga buah kelas yang mengandungi 101 orang pelajar tingkatan empat aliran sains. Saiz sampel yang diperlukan dalam kajian ini ialah 60 orang. Sampel yang dipilih merupakan pelajar yang memasuki tingkatan empat mengikut pencapaian PMR. Pensampelan kajian adalah terdiri daripada dua kelas *intact group* yang mempunyai pencapaian yang lebih kurang seimbang dalam mata pelajaran matematik. Bagi memastikan kumpulan pelajar yang dipilih mempunyai tahap kebolehan yang seimbang maka ujian pra telah diberikan terlebih dahulu.

Kajian ini dilaksanakan mengikut kelas yang telah ditetapkan maka bilangan lelaki dan perempuan adalah tidak sama. Saiz sampel seramai 60 orang iaitu 27 orang pelajar lelaki dan 33 orang perempuan. Bagi pemilihan kelas untuk menentukan yang mana satu kumpulan pertama dan kedua maka pengkaji telah membuat undian sebanyak tiga kali. Undian yang tertinggi merupakan kumpulan pertama iaitu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kumpulan rawatan (eksperimental) manakala kumpulan kedua adalah kumpulan kawalan (konvensional). Kedua-dua kumpulan terdiri daripada 30 orang pelajar.

3.3 Kesetaraan Kumpulan

Kajian yang dijalankan adalah rekabentuk jenis eksperimental kuasi. Dengan ini pengkaji tidak dapat memilih pelajar secara rawak bagi memastikan tahap kebolehan yang seimbang bagi kedua-dua kumpulan. Oleh yang demikian, kumpulan pertama dan kumpulan kedua akan menjalani ujian pra. Jika pencapaian min skor ujian pra kedua-dua kumpulan lebih kurang sama, pengkaji tidak menghadapi masalah untuk meneruskan kajian ini. Masalah akan timbul apabila pencapaian min skor ujian pra tidak sama bagi kedua-dua kumpulan. Selepas perbincangan dengan penyelia, terdapat cara untuk membandingkan keputusan ujian kedua-dua kumpulan melalui beza peningkatan (ujian pos – ujian pra) antara kumpulan kawalan dan rawatan. Pengkaji juga boleh mengambil pendekatan mengawal data secara statistik menggunakan *One-way Analysis of Covariance (ANCOVA)* jika perlu membuktikan kajian ini tidak dipengaruhi oleh mana-mana subjek kumpulan.

3.4 Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah ujian pra dan ujian pos. Soalan ujian pra adalah sama bagi soalan ujian pos. Kedua-dua ujian ini terdiri daripada dua bahagian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

iaitu bahagian A mengandungi 25 soalan objektif dan bahagian B pula mengandungi 2 soalan subjektif. Masa menjawab yang diperuntukkan ialah selama satu jam. Selain itu, instrumen berbentuk soal selidik untuk melihat tahap motivasi pelajar (positif) selepas pengajaran menggunakan perisian *Autograph* turut disediakan bagi kumpulan yang menjalani rawatan.

Kajian yang mantap adalah bergantung kepada kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi instrumen kajian yang digunakan. Kesahan kandungan sesuatu ujian atau alat ukuran memberi fokus kepada kandungan item-item dalam ujian Sidek Mohd Noah (2002, m.s.69). Instrumen kajian ini terdiri daripada bahagian A mengandungi 25 item objektif pelbagai pilihan. Manakala bahagian B pula terdiri daripada dua soalan subjektif. Item-item dalam bahagian A dan B dibina berdasarkan Jadual Penentuan Ujian (JPU) mengikut aras domain kognitif Taksonomi Bloom yang bersesuaian. JPU (rujuk lampiran E) ini mengandungi maklumat-maklumat seperti kemahiran-kemahiran yang hendak diuji, pembahagian bilangan soalan mengikut aras domain kognitif Taksonomi Bloom peringkat pengetahuan, kefahaman dan aplikasi serta jumlah bilangan soalan.

Instrumen kajian ini disemak oleh lima orang guru Matematik Tambahan yang berpengalaman mengajar matematik tambahan di antara 5 hingga 15 tahun. Guru-guru tersebut mengajar di sekolah menengah yang berasingan di Daerah Batang Padang. Salah seorang bekas pelajar tingkatan enam sains yang cemerlang di sekolah yang berkenaan turut terlibat bagi menguji kesahan ujian yang dibina. Pengkaji juga turut berbincang dengan penyelia mengenai kesahan alat kajian ini. Apa yang penting ujian yang dibina ini mempunyai ciri kesahan jika ia benar-benar mengambarkan tujuan menguji isi kandungan topik pelajaran. Ini bersesuaian dengan pendapat Tuckman (1978 dalam Sidek Mohd Noah, 2002, m.s.67) bahawa kesahan sesuatu ujian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menggambarkan sejauh mana ujian tersebut mengukur apa yang sepatutnya diukur. Dengan adanya JPU (rujuk lampiran E) maka soalan-soalan yang digubal tidak akan terkeluar daripada tujuannya. Menurut Sidek Mohd Noah (2002, m.s.69), kesahan kandungan sesuatu alat ukur bergantung kepada skop dan objektif bidang yang dikaji.

Satu kajian rintis telah dijalankan untuk mengetahui sejauh manakah kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina. Mengikut Lee Shok Mee dan Mok Soon Sang (1989, m.s. 51), ciri kebolehpercayaan sesuatu ujian adalah merujuk kepada pencapaian yang ketekalan. Ciri kebolehpercayaan ujian merujuk kepada misalannya seseorang calon yang mendapat markah sebanyak 90% di dalam suatu ujian dan juga mendapat markah yang sama atau hampir sama selepas beberapa hari kemudian. Oleh itu, untuk memenuhi ciri kebolehpercayaan ujian yang dibina maka satu kajian rintis telah dilakukan ke atas 26 responden di sekolah tersebut bagi memperolehi pekali kebolehpercayaan.

Data-data itu dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Sciences (SPSS) version 11.5*. Pengiraan pekali kebolehpercayaan juga boleh dilakukan dengan kaedah *Alpha Cronbach*. Selepas dianalisis oleh *SPSS*, didapati instrumen kajian yang dibina ini mempunyai pekali kebolehpercayaan 0.8929 (rujuk lampiran H). Ini bermakna semakin tinggi pekali kebolehpercayaan maka semakin tinggi kebolehpercayaan sesuatu ujian itu. Ini amat bertepatan dengan pendapat Ary, Jacobs & Razavieh (2002) *a coefficient of .80 for a test of creativity would be judged excellent if other tests of the same construct have reliabilities of .60 or less"* (m.s.262). Malah menurut Sidek Mohd Noah (2002, m.s. 63) bahawa indeks kebolehpercayaan merupakan suatu pekali yang menunjukkan ketekalan sesuatu alat ukur atau ujian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Instrumen kedua ialah borang soal selidik bagi melihat tahap motivasi pelajar selepas selesai pengajaran guru menggunakan perisian *Autograph* dalam topik Graf Fungsi Kuadratik. Instrumen dibina berdasarkan beberapa borang soal selidik yang telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain sebelum ini. Semasa awal pembinaan instrumen kedua, pengkaji telah berbincang dengan penyelia terlebih dahulu mengenai item-item motivasi. Selepas siap, borang soal selidik ini telah disemak oleh tiga orang guru Bahasa Melayu di sekolah yang sama dan seorang guru dari sekolah yang berbeza. Semakan dibuat bagi memastikan tatabahasa dan item yang dikemukakan menepati maksud kehendak kajian iaitu berkaitan dengan tahap motivasi pelajar selepas pengajaran dibuat menggunakan perisian *Autograph* dalam topik Graf Fungsi Kuadratik. Akhir sekali, borang soal selidik ini juga disemak dan dibincang sekali lagi bersama penyelia. Borang soal selidik mengandungi 30 soalan objektif yang mengandungi unsur-unsur motivasi. Skala (Likert) yang digunakan dalam borang soal selidik yang disediakan ialah:

1 – SANGAT TIDAK SETUJU

2 – TIDAK SETUJU

3 – KURANG SETUJU

4 – SETUJU

5 – SANGAT SETUJU

Masa yang diperuntukkan untuk pelajar menjawab borang soal selidik ini adalah 30 minit. Borang soal selidik bagi tujuan melihat tahap motivasi ini diberi kepada kumpulan rawatan setelah selesai menduduki ujian pos. Tahap motivasi pelajar dinilai mengikut had skor yang ditetapkan berdasarkan jumlah item sebanyak 30 didarab dengan skor tertinggi iaitu 5 dan jumlahnya 150. Kemudian ditambah dengan jumlah item sebanyak 30 didarab dengan skor terendah iaitu 1 dan jumlahnya

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

30. Hasil tambah antara jumlah skor tertinggi dan jumlah skor terendah (150 + 30) ialah 180 kemudian dibahagi dua iaitu 90. Oleh itu, jika min skor sampel melebihi had skor 90 maka ini menunjukkan pengajaran menggunakan perisian *Autograph* dalam topik Graf Fungsi Kuadratik telah memberi kesan yang positif kepada tahap motivasi pelajar dalam kumpulan rawatan.

3.5 Prosedur Kajian

Prosedur kajian adalah bermula dengan mendapatkan surat kebenaran daripada Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Selepas itu, pengkaji memohon kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menjalankan penyelidikan di salah sebuah sekolah di Daerah Tapah. Dengan kelulusan daripada KPM, pengkaji memohon kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Perak. Akhir sekali, pengkaji perlu mendapat kebenaran daripada pengetua sekolah menengah berkenaan untuk menjalankan kajian ini.

Kajian ini mengenai pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan perisian sedia ada di pasaran iaitu perisian *Autograph,* keluaran Eastmond Publishing Ltd, tahun 2000 untuk membantu pengajaran guru dalam topik Graf Fungsi Kuadratik bagi subjek Matematik Tambahan. Pengajaran dan pembelajaran berbantukan komputer ini akan didedahkan kepada kumpulan rawatan manakala kumpulan kawalan pula pengajaran dan pembelajaran diadakan secara konvensional. PBK ini juga turut menggunakan makmal komputer di sekolah berkenaan yang menyediakan kemudahan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang diperlukan. Sebanyak dua kali sesi pengajaran yang dilakukan oleh guru bagi mencapai enam objektif dalam hasil pembelajaran topik Graf Fungsi Kuadratik.

Pengajaran terpaksa dilakukan oleh pengkaji sendiri bagi kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pengkaji terpaksa berbuat demikian kerana guru di sekolah berkenaan agak sibuk dan juga tidak tahu cara penggunaan perisian *Autograph* dalam pengajaran topik Graf Fungsi Kuadratik. Untuk mengelakkan berlakunya pengajaran dan pembelajaran yang tidak adil bagi kedua-dua kumpulan itu, pengkaji telah menyediakan rancangan mengajar, lembaran-lembaran kerja dan aktiviti-aktiviti pengayaan yang sama. Rancangan mengajar dibuat agar pengajaran kedua-dua pengajaran tidak lari daripada maksud sebenar dan mengurangkan bias (jika ada).

Aktiviti-aktiviti pengajaran untuk kedua-dua kumpulan tidak ada bezanya kerana lembaran-lembaran kerja yang disediakan dapat memberi tumpuan kepada objektif pengajaran yang hendak disampaikan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Godwin, Sutherland, & Beswetherick, (tahun tidak dinyatakan) menyatakan pengajaran tertumpu pada aktiviti terarah dan tugasan secara individu. Guru perlu menyelaraskan semua tugasan dibuat sepanjang aktiviti kelas. Perbezaan yang nyata di antara pengajaran kedua kumpulan ini ialah penggunaan perisian *Autograph.* Aktiviti-aktiviti pengayaan disediakan untuk tujuan kerja rumah (jika perlu). Prosedur kajian pula terbahagi kepada empat fasa seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.2

Jadual 3.2: Jadual Pelaksanaan Kajian

Fasa	**Pelaksanaan**
	Minggu pertama-tidak ditetapkan
I	Kedua-dua kumpulan akan diberi ujian pra secara serentak

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.2 (Sambungan)

Fasa	Pelaksanaan
	Minggu kedua-tidak ditetapkan
II	Pengajaran menggunakan perisian *Autograph* dalam kumpulan kawalan untuk tiga kemahiran matematik yang pertama. Pengajaran secara tradisional untuk kumpulan kawalan untuk tiga kemahiran matematik yang sama.
	Minggu ketiga-tidak ditetapkan
III	Pengajaran menggunakan perisian *Autograph* dalam kumpulan rawatan untuk tiga kemahiran matematik yang kedua. Pengajaran secara tradisional untuk kumpulan kawalan untuk tiga kemahiran matematik yang sama.
	Minggu keempat-hari pertama
IV	Kedua-dua kumpulan akan diberi ujian pos secara serentak.

Pengkaji telah berbincang dengan penyelia bersama bagi menetapkan kajian ini akan dilakukan sebelum pelajar mempelajari Fungsi Kuadratik iaitu bab tiga. Ini bermakna sampel kajian yang dipilih tidak mempunyai pengetahuan mengenai Graf Fungsi Kuadratik kecuali Fungsi dan Persamaan Kuadratik. Oleh kerana kajian ini dilakukan pada awal tahun, maka pengkaji terpaksa berbincang dengan guru Matematik Tambahan bagi mendapat persetujuan agar guru kedua-dua kelas ini tidak mengajar topik berkenaan. Kumpulan pelajar yang dipilih tidak pernah didedahkan dengan perisian *Autograph* kerana pengajaran berbantukan komputer merupakan satu alat teknologi yang digunakan oleh guru ketika menyampaikan pengajaran. Pelajar hanya diberikan lembaran kerja yang berpandukan pengajaran guru yang menggunakan perisian yang ditayangkan. Guru juga menggunakan papan putih di sebelah skrin jika perlu menerangkan sesuatu yang lain atau diminta oleh pelajar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.6 Analisis Data

Data yang dipungut melalui ujian pra dan ujian pos, kemudian dianalisis dengan menggunakan bantuan komputer. Perisian komputer yang digunakan dalam kajian ini ialah *Statistical Package for Sosial Sciences (SPSS) version* 11.5. Prosedur berikut akan digunakan bagi menganalisis data untuk menguji hipotesis:

a. Ujian-*t* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min skor yang signifikan dalam pencapaian ujian pra kumpulan kawalan berbanding pencapaian ujian pra kumpulan rawatan.

b. Ujian-*t* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min skor yang signifikan dalam pencapaian ujian pra berbanding pencapaian ujian pos di kalangan pelajar kumpulan kawalan.

c. Ujian-*t* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min skor yang signifikan dalam pencapaian ujian pra berbanding pencapaian ujian pos di kalangan pelajar kumpulan rawatan.

d. Ujian-*t* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi beza peningkatan min skor ujian pencapaian secara keseluruhan antara pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

e. Ujian-*t* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi beza peningkatan min skor ujian aras soalan pengetahuan (mengikut Taksonomi Bloom) antara pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

f. Ujian-*t* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi beza peningkatan min skor ujian aras soalan kefahaman

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

(mengikut Taksonomi Bloom) antara pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

g. Ujian-*t* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi beza peningkatan min skor ujian aras soalan aplikasi (mengikut Taksonomi Bloom) antara pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

h. Ujian-*t* untuk menentukan sama ada pengajaran menggunakan perisian *Autograph* dalam topik graf Fungsi Kuadratik memberi kesan yang positif kepada tahap motivasi pelajar dalam kumpulan rawatan.

3.7 Ancaman Kesahan Dalaman.

Oleh kerana kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimental kuasi (kumpulan takseimbang) untuk mengkaji keberkesanan perisian *Autograph* dalam topik Graf Fungsi Kuadratik terhadap pencapaian pelajar maka terdapat beberapa ancaman kesahan dalaman. Antaranya ialah pemilihan pelajar secara yang tidak rawak maka berlakunya ketidakseimbangan dari segi pencapaian, jantina, kaum dan latar belakang. *"This situation is most likely to occur when the researcher cannot assign subjects randomly but use intact groups"* (Ary, Jacobs & Razavieh, 2002 m.s.285).

Walau bagaimanapun, penyelidik cuba sedaya upaya memilih dua kelas yang lebih kurang seimbang dari semua segi dan membuat cabutan undi bagi menentukan kelas untuk kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Menurut Ary, Jacobs & Razavieh, (2002) *"Although subjects cannot be randomly assigned, flip a coin to*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

determine which of two intact groups will be the experimental and which the control group" (m.s.316). Selain itu, ujian pra turut membantu penyelidik mengenal pasti kedua-dua kumpulan adalah sama dari segi pencapaian matematik. Pendapat ini diutarakan oleh Ary, Jacobs & Razavieh, (2002), *"The pretest enables you to check on the equivalence of the groups on the dependent variable before the experiment begins"*(m.s.317). Adalah lebih baik jika penyelidik dapat menyediakan guru yang sama mengajar dengan kedua-dua kelas yang dipilih. Begitu juga pendapat Ary, Jacobs & Razavieh, (2002), *"Having the same person teach both classes would be recommended"* (m.s.317).

3.8 Latar belakang Autograph

Rekabentuk dan penulisan *Autograph* dihasilkan oleh Mark Hatsell. Hakcipta terpelihara *Autograph* Versi 2.00 @ 2000 adalah keluaran Eastmond Publishing Ltd. Pada mulanya *Autograph* [Acorn] telah diterbitkan dalam bulan September 1993 berdasarkan konsep asal oleh Philip Conzens. Proses mengemaskini *Autograph* berlaku secara berterusan sehingga September 1998. Versi pertama telah ditulis dalam BBC *Basic* di Oundle School, Peterborough (UK). Pada masa itu, penulisan dilakukan di bawah kelolaan dan arahan Douglas Buther dengan bantuan serta sumbangan besar daripada Adrian Peakman dan Alex Stanlope.

Selepas keluaran pertama *Autograph* [Acorn], mula diterbitkan *Autograph* [PC] pada bulan Oktober 2000. Konsep dan spesifikasi matematik dihasilkan oleh Douglas Butler. Secara keseluruhan rekabentuk program ini dan program C++ telah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

direka oleh Mark Hatsell. Manakala *Autograph Extras* telah ditambah oleh Mohan Ganesalingham. Kini perkembangan terbaru *Autograph* ialah keluaran versi 2.10 dengan *Key Stage 3*.

3.9 Cara Menggunakan Perisian *Autograph*

Langkah-langkah untuk menggunakan perisian ini:

- Klik START pada Windows XP (Rujuk Gambarajah 3.1)
- Pilih PROGRAM
- Pilih Autograph




Rajah 3.1: Bahagian depan komputer (Desktop).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

- Gambarajah 3.2 akan terpapar
- Lihat ikon-ikon yang tertera di atas



Rajah 3.2: Ikon-ikon Autograph di bahagian atas.

- Daripada *File Menu*, Pilih *Equation* atau klik pada ikon 




Rajah 3.3: Ikon untuk masukkan persamaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

- Jika pilih *Equation*, menu seperti gambarajah 3.4 akan terpapar
- Klik Enter Equation… Enter



Rajah 3.4: Persamaan boleh dimasukkan dengan cara ini.

- Gambarajah 3.5 akan terpapar, dengan itu anda boleh memasukkan sebarang persamaan fungsi kuadratik di *Equation*.
- Klik OK




Rajah 3.5: Pengguna boleh masukkan persamaan yang dikehendaki.

- Gunakan papan kekunci semasa menaip persamaan yang diberi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

- Bagi mendapat *x* kuasa dua, gunakan nombor 2 yang diberi di kotak *Add Equation* atau taip *x* dua kali secara cepat



Rajah 3.6: Kemudahan *x* kuasa dua juga disediakan.

- Gambarajah 3.7 akan terpapar
- Kemudian boleh masukkan persamaan yang lain bagi melihat bentuk graf yang lain
- Ulangi proses yang sama




Rajah 3.7: Kelihatan graf $y = x^2$ di skrin.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


3.10 Contoh-contoh lain paparan *Autograph*

- Jika pelajar ingin meneruskan pembelajaran mengenai graf yang lain, pelajar boleh memilih ikon *New Graph Page* di *File Menu* bagi mendapatkan *new page* .



Rajah 3.8: Menunjukkan mukasurat baru.

- Untuk melihat titik koordinat (x, y) pada graf yang dihasilkan, pelajar diperkenalkan dengan *Cursor Mode* di *File Menu*.




Rajah 3.9: Pelajar boleh melihat titik-titik plot.

- Dua ikon pada gambarajah 3.10 iaitu *Drag* dan *Select Mode* ini amat penting untuk melihat bentuk graf agar lebih jelas. *Drag* berperanan menarik bentuk graf yang tidak kelihatan (sembunyi) dan *Select mode* pula, kursor kembali kepada asal bagi memilih ikon yang lain pula. *Select mode* juga berperanan menghitamkan graf-graf yang tidak dikehendaki kemudian pelajar boleh menghapuskan (*delete*) graf tersebut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

- Bagi memudahkan proses penggunaan ikon-ikon ini, guru akan menunjukkan terlebih dahulu di skrin yang disediakan.



Rajah 3.10: Ikon-ikon yang boleh digunakan

- Pilih ikon *Constant Controller*,  di *File menu*
- Double Klik ikon tersebut dan gambarajah 3.11 akan terpapar



Rajah 3.11: Perubahan secara manual boleh ditunjukkan.

- Pergerakan graf dikawal oleh ikon di *Constant Controller*
- Klik kiri atau kanan 
- Nilai pemboleh ubah juga boleh dipilih melalui 
- Pelajar juga boleh menaip terus dalam ruangan yang disediakan. 

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.11 Contoh Soalan Menggunakan Perisian *Autograph*

3.11.1 Latihan 3.5 muka surat 56, buku teks matematik tambahan tingkatan IV

1. Lakarkan graf setiap fungsi kuadratik berikut. Nyatakan titik maksimum atau minimumnya.

   (a) $f(x) = x^2 + 2x - 15$
   (b) $g(x) = 6x^2 + x - 12$
   (c) $h(x) = 3 - 5x - x^2$
   (d) $p(x) = 4x - x^2 - 3$
   (e) $q(x) = 4x^2 - 7x - 1$
   (f) $f(x) = 4x^2 + 12x + 9$

2. Pada paksi yang sama, lakar graf setiap fungsi kuadratik berikut.

   (a) $f(x) = 2x^2$
   (b) $f(x) = 2x^2 + 3$
   (c) $f(x) = 2x^2 - 3$

3. Pada paksi yang sama, lakar graf setiap fungsi kuadratik berikut.

   (a) $g(x) = x^2$
   (b) $g(x) = (x^2 - 3)^2$
   (c) $g(x) = (x^2 + 3)^2$

4. Pada paksi yang sama, lakar graf setiap fungsi kuadratik berikut.

   (a) $h(x) = x^2 - 16$
   (b) $h(x) = 16 - x^2$

PERSOALAN


Bincangkan kedudukan graf bagi soalan 2, 3 dan 4

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.11.2 Jawapan dengan menggunakan perisian *Autograph* Latihan 3.5


1. (a) $f(x) = x^2 + 2x - 15$,
Titik minimum $(-1, -16)$




(b) $g(x) = 6x^2 + x - 12$
Titik minimum $(-0.08, -12.04)$




(c) $h(x) = 3 - 5x - x^2$
Titik maksimum $(-1.25, 6.125)$




(d) $p(x) = 4x - x^2 - 3$
Titik maksimum $(2, 1)$



(e) $q(x) = 4x^2 - 7x -$
Titik minimum $(0.875, -4.06)$




(f) $f(x) = 4x^2 + 12x + 9$
Titik minimum $(-1.5, 0)$



Rajah 3.12: Jawapan bentuk-bentuk graf fungsi.

2.




Rajah 3.13: Bentuk graf fungsi apabila nilai pemalar, *c* berubah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.



Rajah 3.14: Perubahan kedudukan graf mengikut persamaan diberi.

4.



Rajah 3.15: Lengkungan graf berubah apabila nilai *a* berubah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Bab ini membentangkan hasil dapatan kajian keberkesanan pengajaran menggunakan perisian *Autograph* dalam topik Graf Fungsi Kuadratik ke atas pencapaian pelajar tingkatan Empat Sains. Hasil kajian ini adalah berdasarkan analisis data ujian pra dan ujian pos. Perbandingan peningkatan min skor pencapaian pelajar dalam ujian (pos – pra) antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi memperlihatkan keberkesanan pengajaran menggunakan perisian atau sebaliknya.

4.1 Dapatan kajian

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Microsoft Office Excel* 2003 dan *SPSS* versi 11.5 yang melibatkan penggunaan statistik ujian-*t*. Ujian statistik ini diuji aras

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

signifikan pada $\alpha = 0.05$. Statistik ujian-*t* digunakan untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi peningkatan min skor pencapaian antara pelajar kumpulan kawalan dengan pelajar kumpulan rawatan. Menurut Ary, Jacobs dan Razavieh, (2002):

> *"After exposing the two groups to these treatments, the researchers compare them with respect to the dependent variable(s) to assess the effect of the treatments. A difference observed between the two groups after such treaments may be statistically nonsignificant–that is, easily attributable to chance–and researchers must determine whether this is the case. The index used to find the significance of the difference between the means of the two samples for this purpose is called the* ***t-test for independent sample****"* (m.s.185).

Dalam kajian ini, pengkaji telah menganalisis data dengan menggunakan langkah-langkah seperti berikut:

1. ujian-*t* bagi menentukan sama ada terdapatnya perbezaan min skor antara ujian pra kumpulan kawalan dan ujian pra kumpulan rawatan.

   Hipotesis 1:

   (a) Hipotesis nol adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra kumpulan kawalan dan min skor ujian pra bagi pelajar kumpulan rawatan.

   H_o : $\mu_{\text{pra kawalan}} = \mu_{\text{pra rawatan}}$

   (b) Hipotesis alternatif adalah terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra kumpulan kawalan dan min skor ujian pra bagi pelajar kumpulan rawatan.

   H_A : $\mu_{\text{pra kawalan}} \neq \mu_{\text{pra rawatan}}$

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2. ujian-*t* bagi menentukan sama ada terdapatnya perbezaan peningkatan min skor antara ujian pra dengan ujian pos dalam kumpulan kawalan.

   Hipotesis 2:

   (a) Hipotesis nol adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi peningkatan min antara min skor ujian pos dengan min skor ujian pra dalam kumpulan kawalan.

   H_o : $\Delta\mu_{kawalan} = \mu_{pos} - \mu_{pra}$

   (b) Hipotesis alternatif adalah terdapat perbezaan yang signifikan bagi peningkatan min antara min skor ujian pos dengan min skor ujian pra dalam kumpulan kawalan.

   H_A : $\Delta\mu_{kawalan} \neq \mu_{pos} - \mu_{pra}$

3. ujian-*t* bagi menentukan sama ada terdapatnya perbezaan peningkatan min skor antara ujian pos dengan ujian pra dalam kumpulan rawatan.

Hipotesis 3:

   (a) Hipotesis nol adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi peningkatan min antara min skor ujian pos dengan min skor ujian pra dalam kumpulan rawatan.

   H_o : $\Delta\mu_{rawatan} = \mu_{pos} - \mu_{pra}$

   (b) Hipotesis alternatif adalah terdapat perbezaan yang signifikan bagi peningkatan min antara min skor ujian pos dengan min skor ujian pra dalam kumpulan rawatan.

   H_A : $\Delta\mu_{rawatan} \neq \mu_{pos} - \mu_{pra}$

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

4. ujian-*t* bagi menentukan sama ada perbezaan bagi beza peningkatan min skor yang mana lebih besar di antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

   Hipotesis 4:

   (a) Hipotesis nol adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi beza peningkatan min skor pencapaian antara kumpulan rawatan dengan peningkatan min skor pencapaian kumpulan kawalan.

   $H_o : \Delta\mu_{rawatan} \leq \Delta\mu_{kawalan}$

   (b) Hipotesis alternatif adalah terdapat perbezaan yang signifikan bagi beza peningkatan min skor pencapaian antara kumpulan rawatan dengan peningkatan min skor pencapaian kumpulan kawalan.

   $H_A : \Delta\mu_{rawatan} > \Delta\mu_{kawalan}$

5. ujian-*t* bagi menentukan sama ada perbezaan bagi beza peningkatan min skor bagi aras soalan pengetahuan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

   Hipotesis 5:

   (a) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peningkatan min skor pencapaian ujian kumpulan rawatan dengan peningkatan min skor pencapaian kumpulan kawalan bagi aras soalan pengetahuan (mengikut Taksonomi Bloom).

   $H_o : \Delta\mu_{rawatan\ pengetahuan} \leq \Delta\mu_{kawalan\ pengetahuan}$

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

(b) Terdapat perbezaan yang signifikan antara peningkatan min skor pencapaian ujian kumpulan rawatan dengan peningkatan min skor pencapaian kumpulan kawalan bagi aras soalan pengetahuan (mengikut Taksonomi Bloom).

$H_A : \Delta\mu_{\text{rawatan pengetahuan}} > \Delta\mu_{\text{kawalan pengetahuan}}$

6. ujian-*t* bagi menentukan sama ada perbezaan bagi beza peningkatan min skor ujian aras soalan kefahaman antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

   Hipotesis 6:

   (a) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peningkatan min skor pencapaian ujian kumpulan rawatan dengan peningkatan min skor pencapaian kumpulan kawalan bagi aras soalan kefahaman (mengikut Taksonomi Bloom).

   $H_o : \Delta\mu_{\text{rawatan kefahaman}} \leq \Delta\mu_{\text{kawalan kefahaman}}$

   (b) Terdapat perbezaan yang signifikan antara peningkatan min skor pencapaian ujian kumpulan rawatan dengan peningkatan min skor pencapaian kumpulan kawalan bagi aras soalan kefahaman (mengikut Taksonomi Bloom).

   $H_A : \Delta\mu_{\text{rawatan kefahaman}} > \Delta\mu_{\text{kawalan kefahaman}}$

7. ujian-*t* bagi menentukan sama ada perbezaan bagi beza peningkatan min skor bagi aras soalan aplikasi di antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

   Hipotesis 7:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

(a) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peningkatan min skor pencapaian ujian kumpulan rawatan dengan peningkatan min skor pencapaian kumpulan kawalan bagi aras soalan aplikasi (mengikut Taksonomi Bloom).

H_o : $\Delta\mu_{\text{rawatan aplikasi}} \leq \Delta\mu_{\text{kawalan aplikasi}}$

(b) Terdapat perbezaan yang signifikan antara peningkatan min skor pencapaian ujian kumpulan rawatan dengan peningkatan min skor pencapaian kumpulan kawalan bagi aras soalan aplikasi (mengikut Taksonomi Bloom).

H_A : $\Delta\mu_{\text{rawatan aplikasi}} > \Delta\mu_{\text{kawalan aplikasi}}$

8. ujian-*t* bagi menentukan sama ada terdapatnya perbezaan min skor bagi tahap motivasi pelajar dalam kumpulan rawatan.

Hipotesis 8:

(a) Hipotesis nol adalah pengajaran menggunakan perisian *Autograph* dalam topik Graf Fungsi Kuadratik tidak memberi kesan yang positif kepada tahap motivasi pelajar dalam kumpulan rawatan.

H_o : $\mu \leq 90$

(b) Hipotesis alternatif adalah pengajaran menggunakan perisian *Autograph* dalam topik Graf Fungsi Kuadratik telah memberi kesan yang positif kepada tahap motivasi pelajar dalam kumpulan rawatan.

H_A : $\mu > 90$

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pengkaji menguji hipotesis nol pertama, pengkaji menggunakan ujian-*t* dua sampel tidak bersandar kerana pengujian dilakukan untuk ujian pra untuk kedua-dua kumpulan. Manakala hipotesis kedua dan ketiga, pengkaji menggunakan ujian-*t* dua sampel bersandar kerana pengujian ini dilakukan untuk satu kumpulan bagi ujian pra dan ujian pos. Untuk menguji hipotesis nol ketiga hingga keenam pula pengkaji telah menggunakan ujian-*t* dua sampel tak bersandar kerana melibatkan dua kumpulan yang berasingan bagi ujian pra dan ujian pos. Hipotesis nol yang ketujuh telah diuji dengan menggunakan ujian-*t* satu sampel untuk satu kumpulan bagi menentukan tahap motivasi pelajar.

4.2 Data mentah kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan (Data yang diperolehi selepas ujian pra dan ujian pos)

Jadual 4.1

Data mentah ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan

Subjek	Pra	Pasca
1	40	53
2	60	70
3	43	40
4	57	30
5	37	40
6	53	77
7	40	33
8	40	53
9	60	70
10	43	40
11	57	30
12	37	40
13	53	77
14	40	33
15	47	67

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Jadual 4.1 (Sambungan)

Subjek	Pra	Pos
16	17	50
17	27	57
18	40	70
19	43	67
20	20	63
21	43	70
22	30	73
23	30	40
24	27	70
25	20	63
26	27	70
27	30	37
28	20	70
29	53	73
30	20	47

Jadual 4.2

Data mentah ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan

Subjek	Pra	Pos
1	40	70
2	27	67
3	27	33
4	33	33
5	30	63
6	43	47
7	40	70
8	37	6
9	27	43
10	57	10
11	27	10
12	37	16
13	53	7
14	33	40
15	47	20
16	17	33
17	27	30
18	40	30
19	43	24
20	20	43

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.2 (Sambungan)

Subjek	Pra	Pos
21	43	27
22	30	43
23	30	10
24	27	43
25	20	43
26	27	43
27	30	7
28	20	50
29	53	20
30	20	27

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis data kepada empat bahagian

1. perbandingan min skor ujian pra antara kumpulan kawalan dan rawatan.
2. perbandingan peningkatan min skor pencapaian antara ujian pos dan ujian pra dalam kumpulan kawalan disusuli kumpulan rawatan.
3. perbandingan beza peningkatan min skor ujian (pasca – pra) antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan:
    i. secara keseluruhan bagi skor pencapaian penuh sebanyak 30 markah kepada 100 peratus.
    ii. aras soalan pengetahuan bagi skor pencapaian penuh sebanyak 30 markah.
    iii. aras soalan kefahaman bagi skor pencapaian penuh sebanyak 30 markah.
    iv. aras soalan aplikasi bagi skor pencapaian penuh sebanyak 30 markah.
4. menentukan sama ada terdapat kesan yang positif bagi tahap motivasi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

4.3 Perbandingan min skor ujian pra antara kumpulan kawalan dan rawatan.

Untuk menunjukkan kesetaraan dari segi kumpulan iaitu sama ada kumpulan kawalan dan rawatan yang dipilih mempunyai tahap kebolehan yang seimbang maka pengujian hipotesis nol dilakukan.

Jadual 4.3

Data mentah ujian pra kumpulan kawalan
dan kumpulan rawatan

Subjek	kawalan	rawatan
1	40	40
2	60	27
3	43	27
4	57	33
5	37	30
6	53	43
7	40	40
8	40	37
9	47	27
10	37	57
11	53	27
12	27	37
13	63	53
14	43	33
15	53	47
16	43	17
17	50	27
18	33	40
19	30	43
20	27	20
21	30	43
22	37	30
23	43	30
24	20	27
25	23	20
26	17	27
27	43	30
28	27	20
29	37	53
30	40	20
	39.76667	33.5

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

$$\overline{U}_{\text{kawalan}} = \frac{1193}{30} = 39.76667 \qquad \overline{U}_{\text{rawatan}} = \frac{1005}{30} = 33.5$$

Hipotesis nol pertama.

H_o1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra kumpulan kawalan dan min skor ujian pra bagi pelajar kumpulan rawatan.

Untuk menguji H_o1 di atas, ujian-*t* dua sampel tidak bersandar telah digunakan dan hasilnya diperolehi seperti Jadual 4.4

Jadual 4.4

